

## 1. BAHAYA SEKULARISME

الحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ رَسُولَهُ بِالْحُدُىٰ وَدِينُ الْحَقِّ يُظْهِرُهُ عَلَى الْدِينِ كُلِّهِ وَكُوَّكَرَهُ الْمُشْرِكُونَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولَهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِ وَاصْحَابِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ يَأْخُذُنَّ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ ... اَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ! اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَوْتُنَّ إِلَّا وَاتَّسُمْ مُسْلِمُونَ ...

Wahai hamba-hamba Allah ! Bertaqwalah sekalian kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa. Dan Janganlah kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.

Saya menyeru diri saya sendiri dan juga sidang Jumaat sekalian agar kita sama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah dengan melakukan segala suruhanNya dan menjauhi segala yang ditegahNya.

Sidang Jumaat yang dihormati sekalian,

Renungilah firman Allah dalam ayat 85 surah Ali- Imran :

وَمَنْ يَتَغَيَّرْ غَيْرُ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يَقْبِلْ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ

Maksudnya : Dan sesiapa yang memilih agama lain daripada Islam sebagai agama maka tidak akan diterima dan dia pada hari akhirat nanti termasuk dalam golongan mereka yang rugi

Pada hari ini kita dapat lihat bagaimana kebanyakan negara umat Islam ditadbir dan diperintah dengan menggunakan sistem yang berlainan dengan apa yang disuruh oleh Allah. Kebanyakan pemimpin negara Islam yang menjadikan sistem sekularisme iaitu pemisahan antara agama dan politik sebagai tunjang dalam pemerintahan mereka. Mereka mewarisi sistem yang ditinggalkan oleh penjajah sehingga umat Islam hari demi hari semakin jauh daripada agama mereka bukannya semakin tunduk dan patuh kepada Allah dan rasulNya.. Umat Islam semakin lemah iman mereka kerana mereka diajar untuk mengejar kemewahan dunia yang sementara sehingga mereka semakin lupa kepada hari akhirat. Nafsu menjadi tuhan dan ikutan sedangkan al-Quran dan as-Sunnah hanya dibaca dan didengar sahaja tanpa berusaha untuk mengamalkan apa yang disuruh dan menjauhi apa yang dilarang oleh Allah dan rasulNya. Malah ada juga pemimpin umat Islam yang berani menghina sunnah Rasulullah s.a.w dan juga menghina keadilan serta kesaksamaan hukum dan perundangan Islam. Bagi mereka penghinaan ini sebagai suatu perkara biasa sedangkan dalam tidak sedar ia telah merosakkan aqidah mereka. Artis dipuja manakala para ulama' dicera dan dihina malah dilarang daripada memberitahu kepada umat Islam tentang keadaan Islam yang

sebenar. Perbuatan mereka ini dicontohi dan diikuti oleh rakyat yang jahil dan dijahilkan. Benarlah sabda Rasulullah s.a.w : الناس على دين ملوكهم yang bermaksud : Sesungguhnya rakyat itu mengikut agama pemimpin mereka.

Islam didakwa oleh pemimpin yang jahil ini sebagai sesuatu yang menyekat pembangunan dan juga pencetus huru-hara dalam masyarakat terutama dalam masyarakat yang berbilang kaum. Dakwaan mereka ini bercanggah sama sekali dengan firman Allah dalam ayat 48 surah al-Maidah :

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكُمْ كِتَاباً حَقّاً مَصْدِقاً لِمَا بَيْنَ يَدِيهِ مِنَ الْكِتَابِ وَمَهِمَّنَا عَلَيْهِ فَاحْكُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ  
أَهْوَاءَهُمْ عَمَّا جَاءُكُمْ لِكُلِّ جُنُونٍ مُكْرَمْ شَرِيعَةٍ وَمِنْهَا جَاءَ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ بَعْلَكُمْ أُمَّةٌ وَحْدَةٌ وَلَكُنْ  
لِيَلِوْكُمْ فِي مَا عَاتَكُمْ فَاسْتِبِقُوا الْخَيْرَاتِ إِلَى اللَّهِ مُرْجِعُكُمْ جَمِيعاً فَيَبْيَكُمْ بِمَا كُنْتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ

Maksudnya : Dan Kami turunkan kepadamu wahai Muhammad kitab yakni al-Quran dengan membawa kebenaran untuk membenarkan kitab-kitab suci yang telah ada dihadapannya dan untuk memelihara serta mengawasinya. Maka jalankanlah hukum diantara mereka iaitu ahli kitab itu dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah kepadamu. Dan janganlah engkau mengikut hawa nafsu mereka dengan menyeleweng daripada apa yang telah datang kepadamu daripada kebenaran. Bagi tiap-tiap umat yang ada diantara kamu , Kami tetapkan suatu syariat dan jalan agama yang wajib diikuti oleh masing-masing. Dan sekiranya Allah mahu nescaya Dia menjadikan kamu hanya satu umat yang bersatu dalam satu agama. Tetapi Dia mahu menguji kamu dalam menjalankan apa yang telah disampaikan kepada kamu. Oleh kerana itu, berlumba-lumbalah kamu dalam membuat kebaikan. Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya.

Maka Dia akan memberitahu kepada kamu apa yang kamu berselisih faham padanya. Jika kita kaji sejarah Islam bermula pada zaman Rasulullah s.a.w sebagai pemimpin negara Madinah Munawwarah kita tidak pernah pernah bertemu pembunuhan yang tidak berasas terhadap orang bukan Islam terutama yahudi. Begitu juga ketika pembukaan kota Mekah di mana hanya beberapa orang kafir sahaja yang dihukum bunuh kerana kesalahan yang besar bukannya kerana perasaan marah semata-mata. Begitulah juga apa yang berlaku kepada Khalifah selepas baginda. Begitulah juga berlakunya ketika Kesultanan Melayu Melaka dan Kesultanan Melayu yang lain apabila mereka menjadikan Islam sebagai cara hidup dan sebagai perundungan dalam pemerintahan mereka. Kita tidak pernah terbaca sultan-sultan pada masa itu membunuh orang bukan Islam sewenang-wenangnya kecuali beberapa orang sultan diakhir kegemilangan kerajaan itu kerana mereka meninggalkan Islam.

Dari segi pembangunan mateial atau yang zahir pula kita dapat lihat bagaimana Islam mampu membinan tamadun yang boleh dilihat sehingga sekarang terutama di Baghdad dan Sepanyol. Pembinaan tamadun ini dibina ketika dunia eropah masih lagi berada dalam kemunduran dan kegelapan kezaliman.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah!

Umat Islam sekarang ini sebagaimana yang diberatkan oleh Rasulullah s.a.w iaitu banyak sebagaimana buih dilaut tetapi tidak mempunyai kekuatan dan kemuliaan kerana mereka tidak berpegang teguh kepada Islam. Oleh itu marilah kita sama-sama bersatu terutama dalam menuju alaf baru dengan usaha yang bersungguh dalam memartabatkan semula kehebatan Islam dan keadilan perundangannya dengan meroboh dan menghancurkan kezaliman dan kesesatan sistem yang dijalankan pada hari ini. Ingatlah kepada kata-kata Sayyidina Umar yang masyhur ketika beliau berjaya membebaskan Baitul Maqdis yang berbunyi :

نَحْنُ قَوْمٌ أَعَزَّنَا اللَّهُ بِالإِسْلَامِ فَمَمَّا يَتَغَيَّرُ الْعِزَّةُ بَغْرِبَ مَا أَعَزَّنَا اللَّهُ أَذْلَّنَا

Maksudnya : Kita adalah suatu kaum yang dimuliakan oleh Allah dengan Islam. Selama mana kita mencari kemuliaan dengan sesuatu yang bukan apa yang telah dimuliakan kita dengannya iaitu Islam maka kita akan dihina oleh Allah.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنِ الْأَكْيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَنَقْبَلَ مِنِي  
وَمِنْكُمْ تَلَوَّهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَكُمْ وَكُلَّ أَمْلَائِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نِجَاحَةَ التَّائِبِينَ

## 2. BAHAYA PEMIMPIN GILA DUNIA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَمْسَكَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدَنَّ الْحَقَّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَوَّكَرَهُ الْمُشْرِكُونَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولَهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ يَأْخُذُنَّ إِلَيَّ يَوْمَ الدِّينِ ... أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ! اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَتَسْتُمْ مُسْلِمُونَ ...

Wahai hamba-hamba Allah ! Bertaqwalah sekalian kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa. Dan Janganlah kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.

Saya menyeru diri saya sendiri dan juga sidang Jumaat sekalian agar kita sama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah dengan melakukan segala suruhanNya dan menjauhi segala yang ditegahNya.

Sidang Jumaat yang dihormati sekalian,

Renungilah firman Allah dalam ayat 166 dan 167 surah al-Baqarah:

إِذْ تَرَأَ الَّذِينَ اتَّبَعُوا مِنَ الظِّنَّ اتَّبَعُوا وَرَأُوا الْعَذَابَ وَتَقْطَعَتْ هُمُ الْأَسْبَابُ وَقَالَ الَّذِينَ اتَّبَعُوا لَوْا نَكَرَةٌ فَتَبَرَّأُ مِنْهُمْ كَمَا تَرَوْا مِنْ كَذِكَرِهِمُ اللَّهُ أَعْلَمُ بِهِمْ حَسْرَتْ عَلَيْهِمْ وَمَا هُمْ بِخَرْجِينَ مِنَ النَّاسِ

Maksudnya : Ketika orang-orang yang diikuti (pemimpin) itu berlepas diri daripada mereka yang mengikutinya dan mereka melihat siksa dan (ketika) segala hubungan antara mereka terputus sama sekali. Dan berkatalah para pengikut : " Sekiranya kami dapat kembali (ke dunia) sudah pasti kami akan berlepas diri daripada mereka (pemimpin) sebagaimana mereka (pemimpin) berlepas diri daripada kami". Demikianlah Allah memperlihatkan kepada mereka amal perbuatan mereka yang menjadi kesesalan bagi mereka dan mereka tidak sekali-kali akan dikeluarkan daripada api neraka.

Inilah gambaran yang dinyatakan oleh Allah kepada kita semua mengenai keadaan pemimpin dan para pengikut mereka di hari akhirat nanti. Para pemimpin akan milarikan diri daripada tanggungjawab yang pernah dipikul di dunia apabila melihat melihat siksa neraka yang bakal diterima akibat daripada kecuaian dan kelalaian mereka yang mengajak pengikut mereka di dunia ini ke arah kesesatan dengan mengamalkan sistem ciptaan manusia dalam pemerintahan yang menyebabkan pemimpin itu sendiri dan para pengikut mereka makin hari semakin jauh daripada Allah dan ajaran Islam. Itulah dia pemimpin dunia yang menganggap

bahawa pemerintahan yang dijalankan tidak terlibat langsung dengan agama sehingga mereka tidak melaksanakan Islam dalam perundangan, ekonomi, kebudayaan, sosial dan lain-lain. Para pengikut yang mengikut pemimpin yang sesat dan menyesatkan mereka pula merasa sesal dengan apa yang berlaku kerana pemimpin itu bukan sahaja tidak mampu membantu mereka untuk melepaskan diri daripada siksaan Allah malah pemimpin mereka itu tidak mengaku bahawa mereka semua adalah pengikutnya di dunia dulu. Sesalan mereka hanya sia-sia kerana pemimpin itu dan juga pengikut yang sesat itu tidak akan dikembalikan semula ke dunia malah akan disiksa dalam neraka Allah.

Kita semua yang yakin dengan janji dan peringatan Allah dan rasulNya mestilah memilih pemimpin yang memimpin urusan negara daripada kalangan ulama' akhirat yang mana mereka sentiasa taat kepada Allah dan rasulNya serta berusaha sedaya upaya yang termampu untuk membawa kita kepada ajaran Islam yang sebenar bukannya Islam palsu dan juga mereka ini berusaha menyelamatkan kita agar tidak terjerumus ke lembah kesyirikan dan kesesatan iaitu dengan mengamalkan sistem yang telah ditetapkan oleh Allah dalam setiap aspek kehidupan bukannya setakat pada ibadat khusus sahaja. Pemimpin daripada kalangan ulama' akhirat ini sentiasa takut kepada Allah dan memang tersemat di hati mereka bagaimana kepimpinan ini merupakan suatu amanah yang akan dipertanggungjawabkan oleh Allah di akhirat nanti bukannya ia sebagai suatu tempat untuk mengaut kemewahan dan pengaruh.

Oleh itu sebagai rakyat mestilah sentiasa peka dan mengambil berat mengenai siapa yang memerintah kita kerana ia merupakan amanah kepada kita agar amanah kepimpinan ini tidak diberi kepada mereka oleh mereka yang tidak layak dan jahil tentang hukum agama. Ingatlah kita kepada hadis yang diriwayatkan oleh imam Bukhari dalam sohihnya yang bermaksud : Maka apabila telah dirosakkan amanah maka tunggulah qiamat. Dia bertanya lagi : Bagaimanakah mengkhianati amanah itu? Sabda baginda : Apabila diserahkan urusan (pemerintahan) kepada yang bukan ahlinya maka tunggulah qiamat.

Sidang Jumaat yang diberkati Allah,

Jika kita perhati kepada kebanyakan pemimpin hari ini merupakan mereka yang tidak layak untuk menanggung amanah malah mereka ini bertujuan untuk menjadi pemimpin bukan untuk melaksanakan Islam kerana mereka sendiri jahil tentang Islam dan suka menghina keadilan Islam dan juga merendah-rendahkan para ulama' akhirat. Mereka ini diberi amanah oleh mereka yang masih jahil dengan Islam dan juga mereka yang terpesona dengan janji keduniaan serta mereka yang terhutang budi apabila melihat taburan wang yang melimpah di depan mereka sedangkan mereka tidak sedar mereka sendiri akan dikhianati oleh pemimpin

yang mereka serahkan amanah itu apabila dia berjaya berada di tumpuk pemerintahan dan Islam pula akan dipenjarakan.Kita dapat lihat hari ini ramai pemimpin yang melaung-laungkan bagaimana mereka mahu laksanakan Islam secara ansur-ansur sedangkan asas ke arah pelaksaan Islam itu sendiri sudahpun menyeleweng iaitu dengan menjadikan sistem sekuler yang diwarisi daripada penjajah sebagai asas ke arah pelaksanaan Islam sedangkan sistem tersebut yang memisahkan antara agama dan pemerintahan merupakan sistem yang bercanggah dengan Islam. Di sini dibawakan misal mudah iaitu jika seseorang itu ingin makan buah durian maka dia mesti menanam benih durian bukannya benih rambutan atau sebagainya. Barulah dia dapat merasa untuk makan buah durian hasil tanamannya itu. Begitulah juga dengan pelaksanaan Islam yang mesti dimulakan dengan asas Islam bukan selainnya.

Dalam pelaksanaan sistem sekuler yang diadunkan dengan pragmatisme iaitu perubahan cara mengikut perubahan massa seperti mendirikan banyak masjid atau pun menyediakan bank-bank yang turut menawarkan sistem perbankan Islam semata-mata mengabui mata rakyat bahawa mereka juga mahu kepada Islam sedangkan pada hakikatnya perkara ini dibuat kerana ingin mendapatkan sokongan rakyat bukannya untuk melaksanakan Islam secara menyeluruh. Kita tidak menafikan usaha mereka tetapi yang dipersoalkan adakah cukup rakyat sahaja yang menghidupkan masjid sedangkan para pemimpin berseronok di mahligai yang mewah. Adakah cukup sekadar rakyat yang beramal dengan sistem perbankan Islam sedangkan para pemimpin terus bergelumang dengan najis riba dan rasuah. Ingatlah kita kepada suatu peristiwa yang penting di mana Rasulullah s.a.w meruntuhkan sebuah masjid yang dibina oleh golongan munafik yang bernama masjid DHIRAR kerana ia tidak dibina atas dasar taqwa sebaliknya bertujuan untuk memecahkan kesatuan umat Islam dan juga kerana gilakan jawatan.Tidak dapat dinafikan ramai mereka yang terpengaruh dan tertarik dengan tindakan mereka ini yang menyebabkan Islam terus diperintah bukannya memerintah. Mereka juga mengamalkan sistem Micahavelli iaitu (الغاية تبرر الوسيلة)

(الغاية تبرر الوسيلة) yang bererti Matlamat penghalal cara seperti sanggup memerintah agar al-Quran ditafsirkan semula dan mempertahankan anti hadis untuk bersama mereka di dalam mengelirukan umat Islam tentang keadaan Islam yang sebenar di mana dengan cara ini kuasa dan kedudukan mereka terus kukuh walau pun terpaksa menggadaikan Islam itu sendiri. Mereka menghina hukum Islam dan menakut-nakutkan orang bukan Islam dengan mengatakan bahawa Islam ini adalah suatu yang melampau dan boleh menggugatkan kehidupan orang bukan Islam. Mereka tidak takut kepada Allah ketika bercakap menghina

hukum Allah, mencaci sunnah Rasulullah s.a.w, mengfitnah para ulama' akhirat kerana bagi mereka agama hanya ditempat ibadat bukannya ketika memerintah. Mereka bagaikan menganggap bahawa Islam ini seperti agama Kristian atau pun Budha yang mana ia hanya layak berada digereja dan kuil sahaja dengan membiarkan urusan pemerintahan kepada orang lain sedangkan Rasulullah s.a.w telah menunjukkan kepada kita bagaimana. Islam yang sebenar iaitu pada diri Rasulullah s.a.w sendiri terpikul pelbagai amanah yang dijalankan secara serentak iaitu sebagai suami kepada isteri-isteri, ayah kepada anak-anak, imam dalam solat, pendakwah dan juga sebagai ketua negara. Inilah dia ciri-ciri kepimpinan yang mesti ada kepada setiap mereka yang kita berikan amanah untuk memerintah dan ciri ini ada kepada para ulama' akhirat.

Sidang Jumaat yang diberkati Allah,

Penipuan mereka walau pun terpaksa menggadaikan Islam demi kedudukan dan pangkat memang menjadi kebiasaan dan amalan kepada pemimpin yang jahil dan zalim. Di dalam hati mereka bagaikan tidak tercetus kegerunan kepada amaran Rasulullah s.a.w melalui sebuah hadis riwayat Muslim :

**مَا مِنْ عَبْدٍ يُسْتَرِّعُهُ اللَّهُ مِنْ يَوْمٍ يَوْمٌ وَهُوَ غَاشٌ لِرَعْيَتِهِ إِلَّا حَرَمَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ**

Maksudnya: Bukan daripada hamba yang mati di mana Allah meminta dia menjaga rakyat dimana pada hari kematiannya sedangkan dia menipu rakyatnya melainkan Allah mengharamkan ke atasnya syurga.

Kita sebagai rakyat mestilah mengambil berat tentang masalah kepimpinan ini di mana jika di sana adanya kezaliman dan juga kesesatan yang dilakukan maka kita mesti hindarkan dengan menurunkan mereka daripada tumpuk pemerintahan. Ingatlah kita kepada pesanan imam al-Ghazali sebagaimana kita fahami daripada kitabnya Ihya' Ulumiddin di mana antara nasihatnya ketika menghadapi pemimpin yang zalim iaitu.

Janganlah bergaul dengan para pemimpin yang zalim malah jangan bertemu dengan mereka dan jika boleh jangan pandang pada mereka. Berjumpa dan bergaul dengan mereka banyak padah atau keburukannya. Sekiranya kamu terpaksa, maka jangan sekali-kali memuji mereka kerana Allah amat murka sekiranya orang fasik dan zalim dipuji. Sesiapa yang mendoakan agar mereka terus kekal di tumpuk pemerintah maka dia sebenarnya redha melihat Allah diderhakai di muka bumi ini.

Jangan menerima apa-apa pemberian daripada golongan pemimpin walau pun kamu tahu pemberian itu adalah daripada sumber yang halal. Sikap tamakkhan pemberian mereka

akan merosakkan agama. Dari situ akan timbul rasa simpati terhadap mereka. Kamu akan mula menjaga kepentingan mereka dan berdiam diri terhadap kezaliman yang mereka lakukan. Ini semua akan merosakkan agama.

Sidang Jumaat yang dihormati sekalian,

Oleh dalam memastikan kezaliman dan kesesatan agar ia mampu di hindari maka tidak dapat tidak kita semua sebagai mukmin yang sejati mestilah bersatu ke arah ke arah meninggikan kembali Kalimah Allah di muka bumi ini. Kita tidak boleh berdiam diri terhadap kezaliman dan kesesatan yang berlaku di depan mata kita. Kita akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah nanti tentang usaha kita dalam memperjuangkan keadilan Islam dan merobohkan kezaliman sistem yang berdasarkan sistem ciptaan manusia. Jangan kita ingat perkara ini main-main dan boleh dipandang sambil lewa sahaja. Ingatlah kita peringatan Rasulullah s.a.w dalam sebuah hadis yang di riwayatkan oleh imam Muslim dalam sohinya yang bermaksud : Akan ada selepas daripadaku pemimpin-pemimpin yang menipu dan melakukan kezaliman. Maka sesiapa yang membernarkan mereka dengan penipuan yang mereka lakukan dan sesiapa yang membantu mereka di atas kezaliman yang dilakukan maka dia bukan daripadaku (umatku) dan aku bukan daripadanya. Dan dia tidak sama sekali akan dapat merasai HAUDH (telaga kauthar).

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
وَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَسَعْيٍ وَلَيْكُمْ مَا فِيهِ مِنَ الْأَكْيَاتِ وَالذِّكْرُ الْحَكِيمُ وَتَقْبَلَ مِنِي  
وَمِنْكُمْ تَلَوْتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ لِي وَلَكُمْ وَكُلَّ أَسْأَرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُهُ وَفِيهَا فَوْزُ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَادَةَ التَّائِبِينَ

### 3. TAWADHU' SAMBUT KEMENANGAN

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَمْسَكَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدَنَّ الْحَقَّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَوَّكَرَ الْمُشْرِكِينَ كُونَ أَشَهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشَهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ يَأْخُذُنَّ إِلَيَّ يَوْمَ الدِّينِ ... أَمَا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ! اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَتْسُدُ مُسْلِمُونَ ...

Wahai hamba-hamba Allah ! Bertaqwalah sekalian kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa. Dan Janganlah kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.

Saya menyeru diri saya sendiri dan juga sidang Jumaat sekalian agar kita sama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah dengan melakukan segala suruhanNya dan menjauhi segala yang ditegahNya.

Sidang Jumaat yang dihormati sekalian,

Renungilah firman Allah dalam ayat 18 dan 19 surah Luqman :

وَلَا تَصْرِخْ خَدْكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرْحًا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ وَاقْصِدْ فِي مُشِيكٍ وَاغْضُضْ مِنْ صَوْتِكِ إِنْ أَنْكِرَ الْأَصْوَاتِ لِصَوْتِ الْحَمْيرِ

Maksudnya : Dan janganlah kamu memalingkan muka kamu daripada manusia kerana sompong dan janganlah kamu berjalan di muka bumi dengan angkuh. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang sompong lagi membanggakan diri. Dan sederhanakanlah kamu dalam berjalan dan lunakkanlah suaramu. Sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai.

Kemenangan merupakan antara nikmat yang dianugerahkan oleh Allah yang sepatutnya kita sambut dengan penuh kesyukuran dengan tidak melampaui batas-batas yang telah ditetapkan oleh syarak. Antara sifat yang perlu ada dalam diri pejuang Islam dalam menyambut kemenangan ini ialah sifat tawadhu' sebagaimana yang telah diajar oleh Allah melalui nabi Muhammad s.a.w yang sepatutnya dicontohi oleh semua umat Islam.

Tawadhu' ini mengikut pendapat beberapa orang tokoh Islam di antaranya al-Fadhl bin 'Iyadh ketika ditanya apakah erti tawadhu'? Jawabnya : Tunduk kepada kebenaran dan menerima segala anjuran Allah dan rasulNya. Al-Junaid pula berkata

bahawa tawadhu' ialah merendahkan diri kepada Khalik (pencipta) dan merasa kemanisan berhubung dengan Allah. Kata al-Hasan pula bahawa tawadhu' adalah tidak adanya perasaan dalam hati seseorang itu melainkan kemuliaan.

Dari sini bolehlah dirumuskan bahawa tawadhu' adalah ibarat daripada khusu' hati dan rendah diri seluruh anggota dengan tunduk patuh kepada allah. Islam tidak menyukai seseorang muslim itu bersifat takabbur kerana ia akan mengingkari kebenaran Allah sebagaimana firman Allah dalam ayat 23 surah an-Nahlu :

**لَا جُرْمَ أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا يَسْرُونَ وَمَا يَعْلَمُونَ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْتَكْبِرِينَ**

Maksudnya : Tidak diragukan lagi bahawa sesungguhnya Allah mengetahui apa yang mereka rahiaskan dan apa yang mereka zahirkan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang sompong.

Begitu juga Allah membenci mereka yang menghina diri dan merasa serba kekurangan sedangkan orang-orang Islam adalah umat yang gagah dan kuat lagi mulia dan tinggi di sisi Allah sebagaimana firman Allah dalam ayat 8 surah al-Munafiqun :

**يَقُولُونَ لَئِنْ رَجَعْنَا إِلَى الْمَدِينَةِ لَيُخْرِجُنَا إِلَّا عَزْرُ مِنْهَا إِلَّا ذُلْ وَلَهُ الْعَزْرَةُ وَلِرَسُولِهِ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَلَكُنَّ الْمُنْفَقِينَ لَا يَعْلَمُونَ**

Maksudnya : Mereka berkata : " Sesungguhnya jika kita telah kembali ke Madinah, benar-benar orang yang kuat akan mengusir orang-orang yang lemah daripadanya ". Kekuatan dan kemuliaan bagi Allah, rasul dan orang-orang mukmin tetapi orang-orang munafik itu tidak mengetahui.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Kita dapat lihat bagaimana Rasulullah s.a.w telah memerintahkan agar sebarang bentuk kesyirikan kepada Allah mestilah dihapuskan terlebih dahulu di sekitar Ka'abah apabila baginda memerintah agar para sahabat menghancurkan berhala ketika mulamula masuk ke kota Mekah dalam peristiwa Pembukaan Kota Mekah yang gemilang. Baginda bukannya menyambut kemenangan yang gemilang itu dengan perayaan yang melekakan.

Begitu juga dengan peristiwa penyerahan anak kunci masjid al-Aqsa yang berjaya di buka oleh tentera Islam pada zaman Sayyidina Umar al-Khattab. Ketika menuju ke Palestin Sayyidina Umar bergilir-gilir dengan khadamnya dalam menaiki kuda tunggangan. Apabila sampai berhampiran masjid al-Aqsa maka ketika itu tiba giliran Sayyidina Umar menarik kuda manakala khadamnya menunggangnya. Orang ramai yang melihat peristiwa tersebut terus meminta agar Sayyidina Umar menggantikan khadamnya untuk

menunggang kuda tersebut demi menjaga kedudukan beliau sebagai Khalifah di hadapan khelayak ramai. Lalu Sayyidina Umar dengan suaranya yang lantang mengeluarkan kata-katanya yang masyhur :

نَحْنُ قَوْمٌ أَعْزَنَا اللَّهُ بِالإِسْلَامِ فَهُمَا نَبْغِي الْعَزَّةُ بِغَيْرِ مَا أَعْزَنَا اللَّهُ أَذْنَانَا اللَّهُ

Maksudnya : Kita adalah suatu kaum yang dimuliakan oleh Allah dengan Islam. Selama mana kita mencari kemuliaan yang bukan apa yang memuliakan kita dengannya oleh Allah maka kita akan mendapat kehinaan daripada Allah..

Kita juga pernah menyaksikan bagaimana Sultan Muhammad al-Fateh setelah berjaya membuka kota Konstantinopol iaitu dikenali dengan kota Istanbul , Turki sekarang ini di mana beliau telah memasuki sebuah gereja yang terbesar pada masa itu yang dinamakan Sofia lalu menunaikan solat sunat 2 rakaat tanda kesyukuran. Kemudian beliau menukarkan gereja tersebut menjadi masjid.

Sidang Jumaat yang dihormati sekalian,

Orang-orang yang bersifat tawadhu' adalah mereka yang dapat melayakkan dirinya dalam pelbagai bidang. Samada dalam urusan peribadi mahu pun urusan kemasyarakatan. Sifat tawadhu' bukan bererti seseorang itu lemah, merasa hina diri atau rendah diri terhadap orang atasn atau pun merasa diri kurang berbanding orang lain . Ini adalah kerana sifat seperti itu boleh membawa seseorang kepada sakit jiwa sedangkan sifat tawadhu' yang sebenar adalah sifat yang mulia dan akhlak pejuang Islam yang mampu menimbulkan kekuatan jiwa dan mental.

Sebagaimana kita pernah membaca dalam sejarah Rasulullah s.a.w di mana baginda menjahit kasut dan menampung pakaianya sendiri tetapi dalam masa yang sama baginda dapat melaksanakan urusan rumahtangga dan kemasyarakatan serta kepimpinan negara dengan baik dan saksama. Sekali pun baginda merupakan seorang pemimpin negara dan ketua agama namun baginda juga melakukan kerja-kerja kecil samada berbentuk peribadi mahu pun negara.

Sidang Jumaat yang diberkati Allah,

Sifat tawadhu' ini bukanlah menjatuhkan martabat pemimpin kepada kelas bawahan malah sifat inilah yang akan meningkatkan lagi martabat kepimpinan yang mana akan dihormati oleh setiap lapisan masyarakat.

Tidak syak lagi bahawa sifat tawadhu' ini adalah suatu sifat yang mulia di sisi Allah dan dihormati oleh masyarakat umum. Ianya akan melahirkan rasa kasih sayang

antara anggota muslim, lemah-lembut dan bertimbang rasa terhadap saudara seagama, mudah mesra ketika berbicara serta tidak ada rasa bangga diri dan sompong. Oleh itu sewajarnya setiap individu muslim bersifat dengan sifat tawadhu' kerana ia bukan sahaja sifat yang mulia dan disanjungi oleh masyarakat tetapi ia juga sebagai bekalan utama ke arah perjuangan menegakkan syiar Islam di atas muka bumi ini sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah.Tanpa sifat tawadhu' maka seseorang itu tidak mampu menjalankan usaha dakwah ke jalan Allah kerana memang fitrah manusia tidak suka kepada orang-orang yang takabbur bahkan sifat takabbur itu sendiri akan lebih meliarkan mereka dari jalan Allah.

Renungilah firman Allah dalam ayat 63 surah al-Furqan :

**وَعِبَادُ الرَّحْمَنِ يَسْهُونَ عَلَى الْأَرْضِ هُنَّا وَإِذَا خَاطَبُهُمْ أَجْهَلُونَ قَالُوا سَلَامٌ**

Maksudnya : Dan hamba-hamba Tuhan yang Maha Penyayang itu ialah orang yang berjalan di atas muka bumi dengan rendah diri dan apabila orang-orang jahil menyapa mereka, mereka mengucapkan kata-kata yang baik.

**بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَشَعْنِي وَلَيَا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنِ الْأَكْيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلَ مِنِي  
وَمِنْكُمْ تَلَوَّتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَكُمْ وَكَسَائِرُ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُهُ وَهُوَ فَوْزُ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَّاهَةَ التَّائِبِينَ**

#### 4. PERISTIWA ISRA' DAN MIKRAJ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَسْرَى سَلَّمَ سُولَّهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَوَّكَرَ الْمُشْرِكِينَ كَوْنَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى الَّهِ وَاصْحَابِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ  
 بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ ... أَمَّا بَعْدُ  
 فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ! اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُ إِلَّا وَأَتَسْمَ مُسْلِمُونَ ...

Wahai hamba-hamba Allah ! Bertaqwalah sekalian kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa. Dan Janganlah kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.

Saya menyeru diri saya sendiri dan juga sidang Jumaat sekalian agar kita sama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah dengan melakukan segala suruhanNya dan menjauhi segala yang ditegahNya.

Sidang Jumaat yang dihormati sekalian,

Firman Allah dalam ayat 1 surah al-Isra' :

سَبِّحْنَ الَّذِي أَسْرَى بَعْدَهُ لِيَلَامِنَ الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَى الَّذِي بِرَحْكَنَا حَوْلَهُ لِنَرِيهِ مِنْ عَائِتَنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
 الْعَلِيمُ

Maksudnya : Maha suci Allah yang telah memperjalankan hambaNya pada suatu malam dari masjidil Haram ke masjid Aqsa yang telah Kami berkati sekelilingnya agar Kami perlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda-tanda kebesaran Kami. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui

Sidang Jumaat yang berkat Allah,

Kini hampir seminggu kita berada di bulan Sya'aban yang disifatkan oleh nabi Muhammad s.a.w sebagai bulan baginda yang mempunyai banyak kelebihannya jika kita penuhi dengan puasa sunat dan amalan soleh yang lain. Belum terlewat pada hari ini untuk kita sama-sama merenungi peristiwa besar iaitu Isra' dan Mikraj yang berlaku pada bulan Rejab yang sahaja meninggalkan kita terutama hampir setiap hari media massa menayangkan bagaimana kezaliman dan pembunuhan kejam oleh Yahudi yang terus berlangsung di Palestin iaitu bumi yang terletaknya Masjid Aqsa yang merupakan masjid yang menjadi tempat persinggahan nabi sebelum mikraj ke Sidratul Muntaha.

Melalui ayat tadi dapatlah kita mengambil iktibar bagaimana pentingnya masjid di mana perjalanan nabi sebagai tetamu Allah pada malam Isra' Mikraj bermula dari masjidil Haram di Mekah dan singgah sebentar di masjid Aqsa di Palestin. Begitu juga dalam peristiwa hijrah di mana Rasulullah s.a.w telah membina masjid Quba' sebelum membina masjid Nabawi ketika tiba di Madinah dalam memastikan syiar Islam dan ikatan antara hamba dengan Allah dapat disemai sehingga membangkitkan semangat jihad dan kesatuan hati sesama manusia dalam menghadapi sebarang cabaran dan tentangan samada daripada manusia atau pun syaitan. Memandangkan kepada pentingnya peranan masjid maka marilah kita sama-sama memakmurkannya dengan sentiasa solat berjemaah dan juga menghidupkannya dengan majlis ilmu dicelah-celah ada pihak yang cuba menghalang masjid daripada dimakmurkan atas alasan tiada permit dan sebagainya.

Disamping itu kita juga mesti bersemangat dalam mempertahankan masjid Aqsa yang merupakan qiblat pertama umat Islam yang kini cuba diruntuhkan oleh Yahudi laknatullah. Mereka mendakwa bahawa dibawah bangunan masjid Aqsa terdapat kerangka bangunan Kerajaan Nabi Sulaiman yang menyebabkan mereka cuba meruntuhkan masjid Aqsa dengan pelbagai cara di antaranya dengan menggali terowong dibawah masjid Aqsa di mana dengan cara ini apabila berlakunya banjir atau hujan lebat akan menyebabkan tanah dibawah masjid Aqsa akan mendap dan ia menyebabkan masjid Aqsa akan runtuh. Di atas runtuhan masjid Aqsa nanti akan didirikan bangunan Kerajaan nabi Sulaiman sebagaimana dakwaan sesat mereka.

Yahudi juga cuba mengelirukan umat Islam tentang bangunan masjid Aqsa yang sebenar di mana mereka sentiasa membesar-besar Kubah Sukhra' iaitu bangunan yang kubahnya berwarna kuning dibuat daripada emas oleh kerajaan Jordan. Bangunan tersebut terletak di hadapan masjid Aqsa yang berkubah hijau di mana dalam bangunan ini terdapat batu tergantung yang cuba mengikut nabi ketika mikraj ke sidratul muntaha bersama-sama malaikat Jibril. Dengan cara mengelirukan kedudukan masjid Aqsa yang sebenar, yahudi berpendapat umat Islam akan bersungguh-sungguh menjaga bangunan yang berkubah kuning itu yang membolehkan mereka dengan mudah meruntuhkan masjid Aqsa. Walau bagaimana pun usaha jahat musuh Islam dalam meruntuhkan masjid Aqsa namun usaha mereka tetap digagalkan oleh Allah. Berkumpulnya yahudi sedunia di bumi Palestin hanya menunggu masa untuk dihancurkan oleh Allah melalui umat Islam yang berani bukannya umat arab yang bacul dan pengecut.

Sidang Jumaat yang dikasihi,

Dalam perjalanan menemui Allah, Rasulullah s.a.w bersama Jibril telah melalui 7 lapisan langit sebelum diangkat ke sidratul muntaha. Ketika ingin melalui langit pertama baginda bertemu dengan nabi Adam, dilangit kedua bertemu dengan nabi Yahya dan nabi Isa, ketika dilangit ketika berjumpa dengan nabi Yusuf, semasa melalui langit keempat bertemu dengan nabi Idris, dilangit kelima bertemu dengan nabi Harun. Semasa bertemu dengan nabi-nabi tersebut, nabi telah memberi salam kepada mereka dan disambut salamnya serta disebut-sebut kenabiannya. Ketika berada dilangit keenam baginda bertemu dengan nabi Musa di mana didapati nabi Musa menangis. Apabila ditanya lalu nabi Musa menjawab bahawa dia menangis kerana seorang pemuda yang dibangkitkan selepasnya (nabi Muhammad) di mana umat nabi itu paling ramai memasuki syurga berbanding umatnya. Selepas itu nabi Muhammad s.a.w diangkat ke sidratul muntaha.

Ketika berada di Sidratul muntaha, Jibril telah memberitahu nabi tentangnya dan menjelaskan tentang 4 batang sungai iaitu dua yang batin yang merupakan sungai di Syurga manakala 2 yang baki dan zahir ialah Sungai Nil yang meliputi beberapa negara termasuk Mesir dan juga Sungai Furat yang menjadi sumber kepada beberapa negara termasuk Syria. Ini memberitahu kepada nabi bahawa dakwahnya mula subur dan tersebar di Semenanjung tanah arab yang terletak antara Sungai Nil dan Furat.

Selepas itu nabi berada di Baitu Makmur di mana Jibril membawa datang bekas minuman yang berisi arak, susu dan madu lalu nabi memilih minuman susu. Jibril mengatakan itulah fitrah di mana nabi dan umatnya akan mengikutinya.

Siang Jumaat yang dikasihi,

Ketika bertemu Allah pada mulanya difardhukan solat sebanyak 50 waktu. Selepas menerima kewajipan ini lalu Rasulullah s.a.w ingin beredar dari situ. Ketika bertemu dengan nabi Musa dalam perjalanan lalu baginda menasihatkan supaya nabi Muhammad s.a.w meminta agar Allah mengurangkan bebanan itu. Begitulah yang berlaku sehingga Allah meringankan kewajipan kepada 5 waktu sehari semalam dan ketika nabi Musa menyuruh nabi Muhammad menemui lagi Allah agar diringankan lagi kewajipan itu kerana umatnya dahulu walau pun hanya difardhukan lebih sedikit daripada yang difardhukan ke atas umat nabi Muhammad s.a.w namun bani Israel tidak mampu melakukannya tetapi nabi enggan berbuat demikian kerana terlalu malu kepada Allah. Kemudian terdengar suara yang memanggil menyatakan bahawa laksanakanlah segala kewajipan iaitu solat 5 waktu di mana telah diringankan bebanannya kepada hamba-hamba Allah daripada 50 waktu kepada 5 waktu.

Kemudian Rasulullah s.a.w dibawa melawat Syurga di mana dapat dilihat segala keindahannya. Seterusnya nabi dibawa melihat neraka di mana antara perkara yang dilihat oleh baginda ialah sekumpulan manusia yang perutnya begitu besar sehingga mereka tidak mampu untuk mengubah kedudukan mereka. Jibril menjelaskan bahawa itulah mereka yang mengamalkan riba yang mana ia mengingatkan kita bagaimana azabnya mereka yang suka mengamalkan riba semasa di dunia. Dunia pada hari ini dari segi ekonominya telah dimanopoli oleh Yahudi yang sememangnya mengamalkan amalan riba dengan orang lain tetapi mengharamkan riba sesama yahudi. Kita walau pun berada di negara yang tertera dalam perlembagaannya Islam sebagai agama rasmi tetapi turut bergelumang dengan riba kerana pemimpinnya yang jahil dan hanya mengejar kebendaan sahaja.

Nabi juga melihat bagaimana sekumpulan lelaki di mana terdapat pada tangan mereka daging yang bagus dan segar disamping daging yang busuk dan rosak tetapi mereka tetap makan daging yang busuk itu. Jibril memberitahu bahawa mereka merupakan orang yang mempunyai isteri yang baik tetapi tetap melakukan zina dengan perempuan lain. Inilah antara azab bagi mereka yang berzina di mana kita di negara ini turut merasai balanya dengan serangan penyakit AIDS yang terus merebak termasuk kepada mereka yang tidak terlibat dengan perbuatan yang tidak bermaruah itu seperti yang terkena kepada 2 orang ibu yang dijangkiti AIDS melalui perdermaan darah. Malah disebuah negeri dalam negara kita telah disyorkan oleh muftinya agar pasangan ingin berkahwin diperiksa terlebih dahulu samada dia dijangkiti AIDS atau pun tidak. Inilah bahayanya apabila rakyat hanya diberitahu tentang bahayanya AIDS bukannya diberi penjelasan tentang bahayanya zina disamping menhukumkan penzina dengan hukuman yang telah ditetapkan oleh Allah.

Rasulullah s.a.w juga melihat sekumpulan wanita yang diikat buah dadanya di mana Jibril menjelaskan bahawa mereka adalah wanita yang bergaul bebas dengan lelaki yang bukan mahramnya. Sebab itulah Islam banyak menekankan tentang garisan yang sepatutnya dijaga oleh kaum wanita semasa berada di luar rumah samada berkerja atau pun urusan lain dalam menjaga kehormatan dan maruah mereka daripada tercemar.

Firman Allah dalam ayat 130 - 131 surah Ali- Imran :

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا رِبَا أَضْعَافًا مَضَاعِفَةً وَاتَّقُوا اللَّهَ لِعْلَكُمْ تُفْلِحُونَ وَاتَّقُوا النَّاسُ الَّتِي أَعْدَتْ لِكُفَّارِهِنَّ

Maksudnya : Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu memakan riba dengan berlipat ganda dan bertaqwalah kamu kepada Allah supaya kamu beroleh keuntungan.

بَارِكَ اللَّهُ لِي وَكَفَرَ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَعَنِّي وَبَارِكَ مُبَارِكًا فِيهِ مِنَ الْكَيْمَ وَالذَّكَرُ الْحَكِيمُ وَتَبَّلَّ مَنِي وَمَنْكُمْ تَلَادُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَكَفَرَ وَسَائِرُ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنُ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَقَبَّا فَوْرًا الْمُسْتَغْفِرُونَ وَيَا بَحَثَةَ الْمُتَائِنِ

## 5. PERUBAHAN QIBLAT

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَمْرَ سَكَنَ رَسُولَهُ بِالْمُدْبَرِي وَدِينِ الْحَقِّ يُظْهِرُهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكُوَّكَرَةِ الْمُشْرِكِ كُوْنَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
 وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ الْلَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى الَّهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ  
 يَأْخُذُنَّ إِلَيَّ يَوْمَ الدِّينِ ... أَمَّا بَعْدُ  
 فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ! اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمْنَعُنَّ إِلَّا وَاتَّمُّ مُسْلِمُونَ ...

Wahai hamba-hamba Allah ! Bertaqwalah sekalian kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa. Dan Janganlah kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.

Saya menyeru diri saya sendiri dan juga sidang Jumaat sekalian agar kita sama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah dengan melakukan segala suruhanNya dan menjauhi segala yang ditegahNya.

Sidang Jumaat yang dihormati sekalian,

Firman Allah dalam ayat 144 surah al-Baqarah :

قد نرى تقلب وجهك في السماء فلنولينك قبلة ترضها فول وجهك شطر المسجد الحرام وحيث ما كنتم فولوا

وجوهكم شطرون وإن الذين أتوا الكتب ليعلمون أنه الحق من هم وما الله بفضل عما يعملون

Maksudnya : Sesungguhnya Kami lihat engkau sentiasa mengadah ke langit, maka Kami palingkan engkau (menghadap) ke kiblat yang engkau ingini. Sebab itu, palingkanlah mukamu ke pihak Masjidil Haram. Dan di mana saja kamu berada, hadapkanlah mukamu ke pihaknya. Dan sesungguhnya orang yang diberi kitab mengetahui bahwasanya itu adalah kebenaran daripada Tuhan mereka. Dan Allah tidak lalai terhadap apa pun yang kamu kerjakan.

Sidang Jumaat yang berkat Allah,

Ayat suci Al-Quran yang dibaca tadi mengingatkan kita bagaimana peristiwa perubahan arah qiblat daripada mengadap ke arah Masjid Aqsa di Palestin kepada Ka'abah di Mekah Mukarramah. Jika pada bulan Rejab lepas kita dingatkan dengan peristiwa Isra' Mikraj di mana disebut secara jelas bagaimana perjalanan nabi Muhammad s.a.w dari Masjidil Haram di Mekah ke Masjid al-Aqsa di Palestin maka dalam peristiwa perubahan qiblat juga kita dapati bagaimana kuatnya ikatan antara kedua-dua masjid tersebut.

Sewaktu Rasulullah s.a.w tiba di Madinah, baginda diarahkan agar menghadap ke arah Baitul Maqdis dan ramai di kalangan penduduk Madinah waktu itu daripada golongan Yahudi

di mana sememangnya qiblat mereka adalah Baitul Maqdis. Oleh itu kaum yahudi sentiasa mengejek dan mencerca nabi Muhammad s.a.w dan muslimin kerana mereka menganggap baginda tidak benar serta tidak tetap pendirian kerana terpaksa menghadap ke arah qiblat yang sama dengan yahudi iaitu Baitul Maqdis. Ceraan dan ejekan yahudi ini agak memberi kesan mendalam terhadap umat Islam pada masa itu sehingga nabi berdoa dan memandang ke langit mengharapkan turunnya wahyu yang mengizinkannya dan para sahabat berpaling ke Baitullah di Mekah. Akhirnya selepas 16 atau 17 bulan Rasulullah s.a.w menghadap ke Baitul Maqdis, barulah Allah memerintahkan agar baginda menghadap ke Ka'abah.

Antara riwayat yang menyebut tentang peristiwa perubahan qiblat daripada Baitul Maqdis, Palestin ke Baitullah, Mekah ialah riwayat daripada Ibnu Saad di dalam at-Tobaqat di mana Rasulullah s.a.w sedang melawat Ummu Bishr bin al-Bara' bin Ma'rur di kawasan Bani Salamah. Dia telah menyediakan jamuan untuk Rasulullah s.a.w dan sahabatnya. Apabila tiba waktu solat Zohor, baginda bersembahyang di masjid perkampungan itu. Ketika baginda berada pada rakaat kedua, turun wahyu daripada Allah memerintahkannya agar menukar arah qiblat dari Masjid al-Aqsa ke arah Ka'abah di Masjidil Haram. Baginda terus berpaling menghadap ke arah Ka'abah ke sudut yang bertentangan dengan mizab (saluran emas) dengan pusingan 180 darjah dan terus menyambung baki solatnya. Oleh sebab itulah masjid tersebut dinamakan Masjid al-Qiblatain yang bererti masjid dua Qiblat yang terus kekal dan boleh dilawati sehingga hari ini.

Menurut al-Hafiz Ibnu Hajar, solat pertama menghadap Ka'abah ialah solat Zohor di masjid Qiblatain di perkampungan Bani Salamah, solat pertama menghadap Ka'abah di Masjid Nabawi ialah solat Asar manakala solat Subuh pertama menghadap Ka'abah ialah di masjid Quba'.

Sidang Jumaat yang dikasihi,

Ka'abah di Masjidil Haram Mekah dan Masjid al-Aqsa si Baitul Maqdis, Palestin mempunyai hubungan yang begitu rapat dan merupakan tempat ibadat bagi umat Islam yang mempunyai kelebihan yang begitu besar. Ka'abah telah dibina oleh nabi Ibrahim dan anaknya nabi Ismail di mana ia merupakan rumah Allah atau masjid yang pertama dibina di atas muka bumi ini. Manakala Masjid al-Aqsa merupakan masjid yang kedua dibina dimana ia dibina 40 tahun selepas pembinaan Ka'abah oleh nabi Ibrahim juga sekembalinya baginda dari Mekah ke tanahairnya Baitul Maqdis.

Dari dahulu sehingga sekarang perebutan ke atas Baitul Maqdis oleh tiga agama iaitu Islam, Kristian dan Yahudi terus berlaku. Masing-masing berusaha untuk menguasai bumi suci ini

kerana ia mempunyai kelebihan menurut ketiga-tiga agama ini sehingga ada yang menyatakan bahawa jika sesuatu agama atau kuasa ingin menguasai dunia maka mereka mesti menguasai Baitul Maqdis. Kita lihat bagaimana kejayaan yahudi setelah menduduki bumi Palestin di mana jumlah mereka yang beberapa juta sahaja tetapi mampu hidup dan menguasai dunia arab yang terdiri daripada beratus ratus juta penduduk yang majoritinya beragama Islam. Kejayaan yahudi mendapatkan sebuah negara yang dinamakan Israel di bumi Palestin ini pada 14 Mei 1948 adalah hasil penipuan fakta dan penguasaan mereka terhadap kuasa besar dunia termasuk Amerika Syarikat sehingga mereka berjaya mendapat sokongan daripada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Mereka diberikan sebuah negara haram di atas bumi Palestin atas nama simpati dan menebus dosa dunia terhadap kekejaman bangsa Jerman yang didakwa melakukan pembunuhan yang paling kejam dengan membakar berjuta-juta yahudi. Dakwaan mereka ini adalah palsu kerana jumlah sebenar yahudi pada masa itu tidak sampai kepada jumlah sebagaimana yang didakwa itu. Sedangkan pembunuhan yang paling kejam dan dahsyat ialah pembunuhan yahudi terhadap umat Islam di mana yahudi telah menyembelih begitu ramai umat Islam ketika mula-mula memasuki bumi Palestin sehingga darah yang mengalir di atas masjid al-Aqsa bagaikan air banjir. Pembunuhan dan kekejaman mereka terus berjalan sehingga hari ini di mana semenjak sebulan terakhir ini sahaja hampir 300 orang kanak-kanak Islam mati dibunuh.

Siang Jumaat yang dikasihi,

Setelah berjaya membina negara haram di bumi Palestin, kini yahudi mengatur langkah seterusnya untuk meruntuhkan masjid al-Aqsa dengan alasan masjid ini di bina di atas Haikal Kerajaan nabi Sulaiman. Sememangnya Haikal Kerajaan nabi Sulaiman terbina berhampiran masjid Aqsa sekarang tetapi pembinaannya yang dilakukan oleh nabi Sulaiman adalah beberapa ratus tahun selepas pembinaan Masjid al-Aqsa. Ini bermakna masjid Aqsa dibina terlebih dahulu sebelum terbinanya Haikal tersebut dan kedua-duanya merupakan hak umat Islam bukannya hak yahudi yang merupakan pembunuhan nabi-nabi. Nabi Sulaiman sendiri merupakan keturunan nabi Ibrahim dan penerus kepada dakwah Islam.

Yahudi akan terus berusaha dalam meruntuhkan masjid al-Aqsa dengan apa cara sekali pun dan kita umat Islam akan terus mempertahankannya walaupun terpaksa menumpahkan darah demi Islam. Kita akan sentiasa mengingati kata-kata tegas yang pernah keluar daripada mulut Sultan Abdul Hamid II yang merupakan salah seorang Khalifah Kerajaan Uthmaniah Turki di mana ketika ditawarkan dengan tawaran lumayan oleh kesatuan yahudi antarabangsa supaya dibenarkan yahudi berpindah beramai-ramai dan menduduki bumi Palestin lalu beliau menjawab : ” Kami tidak menjual tanahair dengan wang. Kami mendapat negeri kami dengan

pengorbanan darah datuk nenek kami. Kami tidak mungkin melepaskannya walau pun seinci tanpa kami mengorbankan darah kami untuk mempertahankannya“.

Bumi Palestin dan masjid Aqsa adalah milik seluruh umat Islam bukannya milik umat arab yang mesti dipertahankan. Yahudi mesti terus diperangi dan diusir dari tanahair milik umat Islam ini dengan apa cara sekali pun. Jangan terlalu mengharap kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) kerana ia dikuasai oleh Yahudi yang berpusat di Israel dan mengatur segala perancangan mereka melalui pusat pentadbirannya di barat Amerika Syarikat dan Asia Tenggara ialah di Singapura. Pertubuhan Persidangan Negara Islam (OIC) pula hanya bergegar di dewan tetapi bantuan yang akan disalurkan ialah makanan dan ubatan bagi yang cedera dan kain kapan bagi yang telah mati ditembak. Pemimpin negara umat Islam hanya meningkat pangkat dan harta mereka sahaja sedangkan kekayaan yang dianugerahkan oleh Allah kepada seluruh negara umat Islam sebenarnya untuk mem pertahan dan mengembangkan Islam.

Umat Islam di Palestin memerlukan bantuan ketenteraan dan persenjataan dalam menghadapi yahudi yang kejam. Menunggu kebenaran Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) sebelum menghantar bantuan ketenteraan seperti terus merelakan umat Islam dibunuh dan masjid Aqsa diruntuhkan. PBB yang dikuasai yahudi tidak akan membantu umat Islam dalam memerangi yahudi.

Perjuangan kita masih jauh dan teruskanlah memberi bantuan material disamping doa kepada semua umat Islam terutama di Palestin yang dibunuh sesuka hati. Kita juga mengharapkan agar dibuka hati para pemimpin negara umat Islam untuk lebih bertanggungjawab dan berani dalam mempertahankan Islam dan umatnya daripada terus ditindas dan dizalimi oleh musuh Islam. Kita tidak mahu lagi melihat pemimpin yang hebat bercakap dalam masalah memerangi yahudi tetapi ada rakyatnya merengkok dalam penjara kerana membantah kemasukan pengganas yahudi ke negaranya.

Firman Allah dalam ayat 67 surah Ali- Imran :

**مَا كَانَ إِبْرَاهِيمَ يَهُودِيًّا وَلَا نَصَارَى وَلَكِنْ كَانَ حَنِيفًا مُسْلِمًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ**

Maksudnya : Bukanlah nabi Ibrahim itu seorang pemeluk agama yahudi dan tidak pula dia seorang Kristian tetapi dia seorang yang tetap di atas dasar Tauhid sebagai seorang muslim dan dia pula bukanlah daripada orang-orang musyrik

**بَلْ رَبُّهُ اللَّهُ لَيْ وَكَفَرَ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَقَعْدَنِي وَلَيَكُفَرْ بِمَا فِيهِ مِنْ آكِيَاتٍ وَالذَّكْرُ الْحَكِيمُ وَتَبَلَّغَتِي وَمَنْكُفَرُ تَلَوَنَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيُّ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ لَيْ وَكَفَرَ وَكَسَرَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَأَسْتَغْفِرُ وَهُوَ فَوْزُ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَبِإِنْجَاحِ التَّائِبِينَ**

## 6. PEPERANGAN BADAR AL-KUBRA

الحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَمْرَ سَلَّمَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرُهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكُوْكَرَةِ الْمُشْرِكِينَ كُوْنَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا  
 الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَمْرَ سَلَّمَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرُهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكُوْكَرَةِ الْمُشْرِكِينَ كُوْنَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
 وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ الَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ  
 يَأْخُذُنَّ إِلَيْيَّ يَوْمَ الدِّينِ ... أَمَّا بَعْدُ  
 فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ! اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَوْتُنَّ إِلَّا وَاتَّسِمْ مُسْلِمُونَ ...

Wahai hamba-hamba Allah ! Bertaqwalah sekalian kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa. Dan Janganlah kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.

Saya menyeru diri saya sendiri dan juga sidang Jumaat sekalian agar kita sama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah dengan melakukan segala suruhanNya dan menjauhi segala yang ditegahNya.

Sidang Jumaat yang dihormati sekalian,

Firman Allah dalam ayat 123 surah Ali Imran :

وَلَقَدْ نَصَرَكُمُ اللَّهُ بِدِرْ وَأَتَمَّ أَدْلَةَ فَانْفَوَ اللَّهُ لِعْلَكُمْ شَكَرُونَ

Maksudnya : Sesungguhnya Allah telah membantu kamu dalam peperangan Badar sedangkan kamu ketika itu adalah orang-orang yang lemah. Kerana itu bertaqwalah kepada Allah supaya kamu mensyukuriNya.

Sidang Jumaat yang berkat Allah,

Kedatangan bulan Ramadhan untuk sekian kalinya disambut dengan penuh kesyukuran dengan berpuasa disiang harinya dan mendirikan malamnya dengan solat terawih dan sebagainya disamping membaca al-Quran serta berzikir bagi mendekatkan diri kepada Allah. Kedatangan Ramadhan bersama rahmat Allah dan keampunanNya disamping berlipat gandanya pahala dan juga anugerah lailatul Qadar yang lebih baik daripada seribu bulan. Kedatangan Ramadhan juga mengingatkan kita kepada beberapa peristiwa besar yang berlaku pada bulan ini yang boleh kita sama-sama renungi. Pada bulan ini telah menyaksikan berlakunya pembukaan Kota Mekah yang gemilang oleh Rasulullah s.a.w pada tahun 8 Hijrah,

pembebasan Baitul Maqdis dan Masjid Aqsa daripada cengkaman Kerajaan Rom oleh pahlawan Islam Salehudin al-Ayyubi.

Pada 17 Ramadhan sahaja kita dapat menyaksikan beberapa lagi peristiwa yang bersejarah iaitu pada tarikh ini telah turunnya wahyu yang pertama kepada Rasulullah s.a.w yang sewaktu itu berumur 40 tahun melalui malaikat Jibril ketika nabi sedang bermunajat di Gua Hira'. Pada Subuh pagi Jumaat 17 Ramadhan tahun 40 Hijrah pula Sayyidina Ali bin Abi Talib telah ditikam oleh Ibnu Maljam ketika menuju ke masjid dimana tikaman itu telah terkena dibahagian kepala Sayyidina Ali. Tikaman dengan menggunakan senjata yang beracun ini telah menyebabkan Sayyidina Ali menghembus nafas yang terakhir pada malam Ahad 19 Ramadhan tahun 40 Hijrah ketika berumur 63 tahun.

Sidang Jumaat yang dikasihi,

Apa yang mahu ditekan pada hari ini ialah mengenai peristiwa peperangan Badar al-Kubra yang merupakan tapak kemenangan Islam dalam melebarkan penguasaan seterusnya. Peperangan Badar al-Kubra ini telah berlaku pada 17 Ramadhan tahun 2 Hijrah di mana pada tahun ini juga Allah mewajibkan berpuasa sebulan Ramadhan. Peristiwa ini berlaku apabila Rasulullah s.a.w sendiri yang mengetuai pasukan tentera Islam seramai 313 orang telah menuju ke Badar bertujuan untuk menyekat qafilah perniagaan Quraisy pimpinan Abu Sufian bin Harb yang baru pulang dari Syam menuju ke Mekah. Jumlah tentera Islam tidak begitu ramai kerana ia pada asalnya merupakan suatu operasi dalam menyekat qabilah tersebut dan Rasulullah s.a.w sendiri tidak meramalkan akan berlakunya suatu peperangan terbuka yang besar dan bersejarah. Oleh itu ramai di kalangan sahabat tidak menyertai gerakan ini.

Malangnya kemaraan tentera Islam telah diketahui oleh Abu Sufian melalui pengintip yang telah ditugaskannya lalu dia memerintahkan agar wakil qafilah untuk meminta bantuan daripada Kafir Quraisy di Mekah. Disamping itu Abu Sufian telah melalui jalan lain iaitu melalui pantai sehingga mereka berjaya menyelamatkan diri daripada bertembung dengan tentera Islam. Setelah itu dia menghantar utusan untuk bertemu Abu Jahal bagi menyatakan bahawa mereka telah selamat dan tidak memerlukan bantuan tentera lagi tetapi Abu Jahal dengan sombongnya menyatakan : " Demi Allah! Kita tidak mahu pulang sekarang sehingga kita sampai di Badar. Kita berpesta di sana selama 3 hari, kita sembelih unta. Minum arak dan menyanyi sehingga seluruh bangsa arab mengetahui perhimpunan dan kedatangan kita. Maka kehebatan kita terus menerus dapat dilihat oleh mereka ".

Rasulullah s.a.w ini telah mengetahui tentang qafilah Abu Sufian telah berjaya menyelamatkan diri disamping bala tentera kafir Quraisy yang besar iaitu seramai 1300 orang dan lengkap bersenjata telah tiba di Badar. Oleh itu tentera Islam tidak boleh mengelak lagi

daripada bertempur kerana jika mereka berundur bererti kafir Quraisy akan mendapat kemenangan moral dari segi politik dan tentera serta mendapat kedudukan yang kuat di Semenanjung Arab dan memungkinkan mereka bermaharajalela sesuka hati. Walau pun dengan jumlah yang sedikit dan kelengkapan yang tidak mencukupi namun semangat jihad demi mempertahankan Islam terus membara dalam diri tentera Islam.

Sidang Jumaat yang dikasihi,

Selepas itu Rasulullah s.a.w telah membentuk 2 pasukan pengintip dalam meninjau kekuatan musuh. Pada malam itu Allah menurunkan hujan sebagai pertolongan kepada tentera Islam dan bencana kepada tentera musuh. Kemudian tentera Islam telah membina markaz disebuah tempat yang terletaknya mata air paling dekat dengan musuh di mana di situ mereka telah membina kolam disamping menimbus tempat-tempat air yang lain. Dengan cara ini musuh akan keputusan bekalan air.

Kemudian Sa'ad bin Mu'adz telah mencadangkan kepada Rasulullah s.a.w : " Wahai Rasulullah! Saya cadangkan agar dibina tempat perlindungan untuk menjamin keselamatan Rasulullah. Biar kami bertempur dengan musuh. Jika Allah mengurniakan kemenangan kepada kita dan kita dapat mengatasi musuh maka itulah yang sangat kami kehendaki. Sekiranya Allah mengkehendaki berlaku sebaliknya maka engkau tetap berada dalam keadaan selamat di tempat itu. Engkau boleh terus bersama dengan orang-orang yang masih ada dan mereka juga kasih kepadamu seperti kami juga. Jikalau engkau mahu meneruskan lagi peperangan, mereka sekali-kali tidak akan meninggalkanmu dan terus mempertahankannya dengan sama-sama berjihad bersamamu". Lalu para sahabat membina tempat untuk Rasulullah s.a.w di satu tempat yang tinggi yang membolehkan baginda memerhati ke arah medan pertempuran. Pada malam Jumaat 17 Ramadhan itu tentera Islam diberikan ketenangan oleh Allah di mana mereka dapat tidur dengan nyenyak kerana keesokan harinya mereka akan bertempur dengan musuh Allah itu.

Pada pagi Jumaat 17 Ramadhan, kedua-dua belah pihak bersedia untuk berperang di mana Rasulullah s.a.w sendiri telah menyusun sof tentera dengan susunan yang kemas dan rapi. Selepas itu Rasulullah s.a.w telah mengangkat tangan memohon pertolongan Allah. Antara doa baginda ialah :

اللهم أخزني ما وعدتني، اللهم آت ما وعدتني اللهم إن هلك هذه العصابة لا تبعد

" Ya Allah! Wahai Tuhanmu, tunaikanlah apa yang telah Engkau janjikan kepadaku. Ya Allah! Wahai Tuhanmu, kurniakanlah apa yang dijanjikan kepadaku. Ya Allah! Wahai Tuhanmu, jika Engkau binasakan pasukan kecil ini maka Engkau tidak akan disembah lagi di bumi selepas ini "

Pertempuran bermula dengan Rasulullah s.a.w meminta agar Ubaidah bin Harith, Sayyidina Hamzah dan Sayyidina Ali mara untuk menentang tiga pemimpin Quraisy yang telah mencabar tentera Islam. Ketiga-tiga pahlawan Islam telah berjaya membunuh musuh mereka di mana kemenangan ini merupakan kemenangan awal dalam menyemarakkan lagi semangat jihad. Selepas itulah berlakunya pertempuran di mana pada peringkat pertama tentera Islam mengambil tindakan bertahan di mana tentera musuh berjaya dilumpuhkan dengan kehilangan banyak jiwa. Dalam saat yang genting ini Rasulullah terus bermunajat kepada Allah sehingga kain yang disangkut dibahunya terjatuh di mana Sayyidina Abu Bakar yang melihat perkara ini terasa begitu sedih dan berkata kepada Rasulullah : " Cukuplah wahai nabi Allah! ". Allah mengabulkan doa baginda dengan menghantar tentera malaikat.

Pada peringkat kedua tentera Islam mula mengambil tindakan menyerang di mana serangan ini turut dibantu oleh tentera daripada kalangan malaikat di mana antara yang dapat disaksikan ialah bagaimana terputusnya kepala dan tangan musuh tanpa dapat dilihat sesiapa yang memancungnya. Seorang tentera Islam yang sedang mengejar musuh tiba-tiba terdengar pukulan cemeti dari atas dan terdengar suara pahlawan berkuda. Seorang sahabat lagi dapat melihat bagaimana kepala musuh terputus sebelum pedangnya mengenai batang tenguk musuh itu.

Iblis yang menyerupai dirinya sebagai Suraqah bin Malik merasa gementar apabila melihat penyertaan malaikat. Dia terus lari dan terlanggar Al-Harith bin Hisyam sehingga rebah. Apabila ditanya mengapa dia cuba lari lalu dia menyatakan bahawa dia nampak apa tidak mampu dilihat oleh tentera kafir dan dia begitu takut kepada Allah yang amat pedih siksaannya. Kemudian dia lari sekutu hatinya dan mencampakkan dirinya ke laut.

Abu Jahal sendiri berjaya dibunuh apabila Mu'adz bin Amru telah merempuh lapisan lembing dan tombak yang mengelilingi Abu Jahal sehingga dia berjaya menetak di tengah betisnya. Tiba-tiba Ikramah anak Abu Jahal menetak ke leher pemuda itu lalu terkena tangannya sehingga hampir putus dan hanya tergantung dikulitnya sahaja. Dia meneruskan serangan terhadap Abu Jahal dengan mengheret tangannya yang terkulai di mana ketika terasa sakit lalu dia memijak tangan itu dengan kakinya supaya putus. Kemudian Mu'adz berjaya menetak Abu Jahal sehingga hampir maut. Abdullah bin Mas'ud yang mencari-cari Abu Jahal telah menjumpainya lalu terus memancung lehernya di mana kepalanya telah dibawa kepada Rasulullah s.a.w. Baginda menyatakan bahawa inilah dia Firaun umat ini.

Sidang Jumaat yang diberkati Allah,

Peperangan yang bersejarah ini berakhir dengan kemenangan yang nyata kepada tentera Islam di mana 70 orang musyrikin terbunuh dan 70 orang lagi berjaya ditawan.

Manakala 14 orang tentera Islam telah gugur syahid. Kemenangan ini terus diberitahu kepada penduduk Madinah melalui 2 orang utusan yang dihantar oleh Rasulullah s.a.w bagi menafikan berita bohong yang disampaikan oleh puak munafik dan yahudi yang menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w telah wafat. Berita kemenangan ini disambut dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan yang menjadi lambang kepada keagungan Islam yang bakal menguasai dunia. Mereka bertakbir dan bertahlil menyambut berita ini dan ada para sahabat yang terkemuka yang tinggal di Madinah telah menuju ke Badar bagi menyampaikan ucapan tahniah kepada Rasulullah s.a.w. Manakala Sayyidina Othman pula mendapat berita gembira ini ketika sedang mengkebumikan jenazah anak Rasulullah s.a.w Ruqayyah yang baru meninggal dunia.

Kemenangan ini telah meletakkan Islam agama yang tertinggi dan umat Islam menjadi bangsa yang kuat bukan lagi sebagai mangsa penindasan para kuffar. Semoga semangat jihad Badar ini akan membakar semangat kita dalam memastikan Islam menjadi agama yang memerintah bukannya agama yang diperintah.

Firman Allah dalam ayat 9 surah al-Anfal :

إذ تستغثيون بربكم فاستجاب لكم أني مدكم بألف من الملائكة مردا فين

Maksudnya : Ingatlah ketika kamu memohon pertolongan kepada Tuhanmu lalu diperkenankannya bagimu. Sesungguhnya Aku akan mendatangkan bantuan kepadamu dengan seribu malaikat yang datang berturut-turut.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ وَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَفِي كُمْ مَا قِيلَ مِنَ الْأَكْيَاتِ وَالذِّكْرُ الْحَكِيمُ وَقَبْلَ مِنْكُمْ  
وَمِنْكُمْ تَلَوَّتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَكُمْ وَلِكُلِّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُهُ وَفِيهَا فَوْزُ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاهَةَ التَّائِبِينَ

## 7. PEPERANGAN AHZAB

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَمْرَ سَكَنَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدَعَنَ الْحَقَّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكُوَّكَرَةِ الْمُشْرِكِينَ كُوَّنَ أَشْهَدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدَ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ الْلَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى الَّهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ يَأْخُذُنَّ إِلَيَّ يَوْمَ الدِّينِ ... امَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ! اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَوْنَيْ إِلَّا وَاتَّمُّ مُسْلِمُونَ ...

Wahai hamba-hamba Allah ! Bertaqwalah sekalian kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa. Dan Janganlah kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.

Saya menyeru diri saya sendiri dan juga sidang Jumaat sekalian agar kita sama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah dengan melakukan segala suruhanNya dan menjauhi segala yang ditegahNya.

Sidang Jumaat yang dihormati sekalian,

Firman Allah dalam ayat 22 surah al-Ahzab :

وَلِمَا زَرَ الْمُؤْمِنُونَ الْأَحْزَابَ قَالُوا هَذَا مَا وَعَدَنَا اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَصَدَقَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَمَا زَادُهُمْ إِلَّا إِيمَانًا وَتَسْلِيمًا

Maksudnya : Manakala orang-orang yang beriman melihat pasukan Ahzab, mereka berkata : Inilah ia yang telah dijanjikan oleh Allah dan rasulNya kepada kita. Dan benarlah Allah dan rasulNya, dan demikian itu tidaklah menambahkan kepada mereka melainkan iman dan ketundukan.

Kita baru sahaja bergembira penuh kesyukuran dalam menyambut hari raya eidil fitri setelah sebulan bertarung dengan nafsu untuk berpuasa sebulan Ramadhan. Setelah itu kita sama-sama mengikisikan perasaan cinta dan tamakkan harta dengan sama-sama mengeluarkan zakat untuk memberi kegembiraan dan bantuan kepada saudara seislam yang susah. Beruntunglah bagi mereka yang telah berjaya menunaikan kewajipan berpuasa Ramadhan dan mengeluarkan zakat serta tidak lupa untuk berpuasa sunat enam hari di bulan Syawal ini dalam keadaan penuh keinsafan dan keikhlasan kepada Allah. Semoga segala amalan itu diterima oleh Allah dan juga mampu membina diri kita ke arah yang lebih baik daripada sebelumnya.

Jika pada bulan Ramadhan yang lepas sejarah Islam pernah mencatatkan kemenangan gemilang tentera Islam di bawah pimpinan Rasulullah s.a.w dalam peperangan Badar al-Kubra di mana pertempuran sengit secara berdepan dengan tentera kuffar yang berganda lebih ramai berjaya ditumbangkan oleh tentera Islam. Maka pada bulan Syawal ini

sekali lagi tentera Islam mencatatkan kemenangan gemilang di dalam peperangan Khandak atau Ahzab dalam mengalahkan tentera kuffar yang menggabungkan banyak puak dan agama di mana kemenangan ini diperolehi melalui kehebatan strategi, perang saraf ditambah dengan bantuan dan pertolongan Allah. Kemenangan ini terus diingati dan disebut-sebut oleh seluruh umat Islam terutama apabila tibanya hari raya dengan laungan

وَاعْزِ جَنَدُهُ وَهُنَّ الْأَحْزَابُ وَحْدَهُ  
yang bermaksud Dan Dia (Allah) yang memulia dengan memberi kemenangan kepada tenteraNya dan mengalahkan tentera bersekutu kuffar (Ahzab).

Sidang Jumaat yang dikasihi,

Peperangan Khandak yang bererti kubu parit atau pun Ahzab yang bererti tentera bersekutu yang merupakan gabungan banyak puak kuffar dalam melawan tentera Islam di mana peperangan ini telah berlaku pada bulan Syawal tahun kelima hijrah. Peperangan ini disebabkan oleh perancangan jahat yahudi Bani Nadhir yang menghantar beberapa orang pemimpinnya untuk menemui pemimpin musyrikin Mekah bagi merancang gabungan pelbagai puak kuffar untuk menyerang Madinah habis-habisan sehingga ke akar umbi. Selepas itu pemimpin yahudi ini berjumpa pula dengan Qabilah Ghatfan untuk turut sama memerangi Rasulullah s.a.w dan kaum muslimin. Dengan gabungan ini tentera bersekutu kuffar berjaya mengumpul 10 ribu orang tentera iaitu jumlah yang begitu besar berbanding jumlah penduduk Madinah sendiri di mana kalau dicampur lelaki, perempuan, kanak-kanak dan orang-orang yang uzur pun belum sampai kepada jumlah 10 ribu orang.

Rasulullah s.a.w dan tentera Islam terus bermesyuarat dalam mengatur strategi bagi menghadapi tentera bersekutu kuffar yang begitu ramai berbanding jumlah tentera Islam hanya 3 ribu orang. Salman al-Farisi mengemukakan cadangan dengan katanya :" Wahai Rasulullah! Kami di negeri Parsi, apabila kami bimbang untuk menghadapi serangan tentera berkuda maka kami bertahan dengan menggali parit". Cadangan ini diterima dan ini menunjukkan bahawa ilmu dunia boleh diterima walau dari mana datangnya asalkan tidak bercanggah dengan Islam. Oleh itu tidak salah jika umat Islam belajar cara ketenteraan, pembuatan senjata dan sebagainya dari ilmu dunia yang bermanfaat daripada orang bukan Islam asalkan tidak bercanggah dengan syariat Islam. Mereka juga mesti dilengkapi dengan ilmu agama terlebih dahulu agar tidak terpengaruh dengan serangan pemikiran yang menyebabkan mereka bukanlah sebagai pakar ilmu dunia untuk perjuangan Islam tetapi sebaliknya menjadi penentang Islam kerana terpengaruh dengan agama, ideologi dan budaya sesat orang kafir. Sebab itulah ketika orang barat ingin menjatuhkan Khilafah Islamiah Turki dengan meminta agar dihantar putera kepada Khalifah pada masa itu bagi dididik

protokol dalam menjalankan tugas sebagai seorang pemimpin lalu pemimpin itu dengan tegas menjawab : " Haram bagi seseorang Islam menyerahkan anaknya untuk dididik oleh orang kafir".

Sidang Jumaat yang diberkati Allah,

Selepas itu Rasulullah s.a.w sendiri dibantu oleh tentera Islam yang lain berganding bahu dalam menggali parit bagi tujuan sebagai kubu pertahanan daripada serangan musuh. Ketika peperangan ini berlaku cuaca agak dingin sedangkan bekalan makanan tidak mencukupi sehingga Abu Talhah mengatakan :" Kami mengadu kebuluran itu kepada Rasulullah s.a.w dan kami tunjukkan batu demi batu yang diikat diperut kami lalu nabi juga menunjukkan dua ketul batu diperutnya". Tujuan diikat batu ini menurut setengah ulama' adalah bagi menegakkan tulang belakang yang boleh menahan lapar. Di saat cemas ini maka berlakulah beberapa mukjizat daripada Rasulullah s.a.w untuk menaikkan semangat jihad tentera Islam antaranya makanan sedikit menjadi banyak. Mereka bekerja keras dalam menyiapkan parit ini pada siang hari dan pada waktu malam pula mereka berkawal.

Di sini kita dapat lihat bagaimana Rasulullah s.a.w sebagai pemimpin turut bersama merasai susah dalam menyiapkan parit bagi menghadapi musuh. Ini memberi pengajaran kepada kita bagaimana susah dan senang sesebuah negara merupakan tanggungjawab bersama antara pemimpin dan rakyat bukannya ketika negara senang maka hanya pemimpin merasainya tetapi apabila negara susah maka rakyat jelata sahaja menanggungnya. Pemimpin sebagaimana yang ditekankan oleh nabi adalah sebagai khadam rakyat yang mesti berbakti dan mencurah keringat setakat yang mampu untuk kebaikan rakyat bukannya memerahkan keringat rakyat untuk kemewahan diri sendiri. Ingatlah kata-kata Khalifah Umar bin Abdul Aziz bahawa jika pemimpin kaya maka rakyat akan miskin tetapi bila pemimpin miskin maka rakyat akan kaya. Ini adalah kerana pemimpin yang kaya sentiasa sibuk untuk menambah kekayaan sehingga lupa rakyat yang susah sedangkan pemimpin yang miskin sentiasa berfikir tentang kebaikan rakyatnya yang susah.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Dalam peperangan ini tidak berlaku pertempuran sengit di mana hanya pertempuran kecil sahaja berlaku iaitu apabila ada tentera kuffar yang cuba melepas parit akan dipanah. Begitu juga tentera kuffar hanya mampu melepaskan anak panah dari jauh kerana dihalangi oleh parit. Dalam peperangan ini 6 orang muslimin gugur syahid dan 10 orang musyrikin berjaya dibunuh. Peperangan berakhir dengan kemenangan bagi pihak Islam apabila kesatuan musuh berjaya dipecahkan melalui seorang utusan rahsia yang dihantar oleh Rasulullah s.a.w.

Gabungan sekutu kuffar ini saling tidak mempercayai antara satu sama lain hasil daripada perperangan saraf yang dilancarkan itu . Ditambah pula dengan bantuan Allah dengan mendatangkan angin kencang yang menyebabkan tentera bersekutu kuffar berundur dari medan pertempuran.

Firman Allah dalam ayat 9 surah al-Ahzab :

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اذْكُرُوا نَعْمَةَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ جَاءَتْكُمْ جُنُودٍ فَارْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِبْحًا وَجَنُودًا لَمْ تَرُوهَا وَكَانَ  
اللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرًا

Maksudnya : Wah orang-orang yang beriman! Ingatlah nikmat Allah ke atas kamu iaitu ketika datang kepada kamu bala tentera musuh. Maka Kami kirimkan kepada mereka angin kencang dan bala tentera yang kamu tidak melihatnya dan adalah Allah itu Amat Melihat apa yang kamu kerjakan.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَفَعَنِي وَلَيَا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَنَقْبَلَ مِنِي  
وَمِنْكُمْ تَلَوَّتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَكُمْ وَكُسَائِرُ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُهُ وَفِيَا فَوْزُ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَبِإِنْجَاحِ الْتَّائِبِينَ

## 8. PEPERANGAN HUNAIN

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَمْسَكَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدَنَى الْحَقَّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَوَّكَرَ الْمُشْرِكِينَ كُونَ أَشَهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشَهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولَهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ يَأْخُذُنَّ إِلَيَّ يَوْمَ الدِّينِ ... أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ! اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَتَسْتُمْ مُسْلِمُونَ ...

Wahai hamba-hamba Allah ! Bertaqwalah sekalian kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa. Dan Janganlah kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.

Saya menyeru diri saya sendiri dan juga sidang Jumaat sekalian agar kita sama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah dengan melakukan segala suruhanNya dan menjauhi segala yang ditegahNya.

Sidang Jumaat yang dihormati sekalian,

Firman Allah dalam ayat 25 dan 26 surah al-Taubah :

لَقَدْ نَصَرَكُمُ اللَّهُ فِي مَوَاطِنٍ كَثِيرَةٍ وَيَوْمَ حِينٍ إِذْ أَعْجَبَتْكُمْ كُثْرَتِكُمْ فَلَمْ تَغْنِ عَنْكُمْ شَيْئًا وَضَاقَتْ عَلَيْكُمُ الْأَرْضُ بِمَا رَحِبَتْ ثُمَّ وَلَيْسَ مَدِيرُنِّي شَمَاءُ نَزَلَ اللَّهُ سَكِينَتِهِ عَلَى رَسُولِهِ وَعَلَى الْمُؤْمِنِينَ وَنَزَلَ جَنَوْدَلَمْ تَرُوهَا وَعَذَبَ الَّذِينَ كَفَرُوا وَذَلِكَ جَزَاءُ الْكُفَّارِ

Maksudnya : Sesungguhnya Allah telah menolong kamu (wahai orang mukmin) di medan peperangan yang banyak. Dan ingatlah peperangan Hunain iaitu di waktu kamu merasa bangga kerana ramainya jumlahmu. Maka jumlah yang ramai itu tidak memberi manfaat kepadamu sedikit pun. Dan bumi yang luas itu telah terasa sempit olehmu kemudian kamu lari ke belakang dengan bercerai-berai. Kemudian Allah menurunkan ketenangan kepada rasulNya dan kepada orang-orang yang beriman. Dan Allah menurunkan bala tentera yang kamu tidak melihatnya dan Allah menimpakan bencana kepada orang-orang kafir. Dan demikianlah pembalasan kepada orang-orang kafir.

Kini kita berada dipenghujung bulan Syawal yang merupakan bulan mulia dan mempunyai fadhilatnya yang tersendiri bagi mereka yang mengambil peluang untuk beribadat kepada Allah. Bulan Syawal juga telah merakamkan beberapa peristiwa yang besar dalam kamus umat Islam seperti berlakunya peperangan Ahzab, peperangan Uhud dan juga peperangan Hunain yang banyak memberi pengajaran dan peringatan kepada umat Islam.

Setiap peristiwa yang berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w mestilah diambil iktibar sebagaimana sepatutnya kerana perjalanan sirah nabawiyah ini merupakan fakta sejarah yang terjaga dari segi riwayatnya. Sirah nabawiyah ini hendaklah dijadikan panduan kita bukannya sekadar dijadikan bahan bacaan sahaja.

Sidang Jumaat yang dikasihi,

Peperangan Hunain berlaku selepas kejayaan Rasulullah s.a.w dalam Pembukaan Kota Mekah di mana baginda terdengar adanya perancangan bani Hawazin dan Thaqif pimpinan Malik bin Auf yang tinggal di Taif untuk menyerang umat Islam. Bagi mengetahui secara lanjut tentang persiapan mereka lalu Rasulullah s.a.w menghantar Abdullah bin Abi Hadrad al-Aslamiy ke Taif. Dia diminta agar tinggal di tengah-tengah kaum tersebut bagi mengumpul maklumat. Setelah itu dia pulang ke Mekah dan memberitahu tentang persiapan bani Hawazin dan Thaqif dari segi kelengkapan senjata dan juga dengan bilangan tentera antara 20 hingga 30 ribu orang bagi menyerang umat Islam. Pasukan kuffar ini turut membawa bersama harta benda dan anak isteri mereka bagi menetapkan mereka dalam peperangan dan tidak lari dari medan perang.

Rasulullah s.a.w bersama 12 ribu orang tentera muslimin telah keluar menuju ke lembah Hunain. Keesokan harinya ketika mereka bangun dan bersiap untuk berperang di mana ketika pasukan muslimin di barisan hadapan pimpinan Khalid bin Walid sedang bergerak mara, mereka diserbu dari arah kiri dan kanan disamping anak panah yang menghujani mereka dari arah depan dan belakang. Ramai tentera Islam yang gugur syahid terutama mereka yang baru masuk Islam sebagai peringatan di atas niat mereka yang turut sama berperang kerana ingin mendapatkan harta rampasan perang disamping perasaan angkuh dan sompong kerana merasakan kekuatan bilangan tentera Islam kali ini lebih kuat dan ramai berbanding sebelum ini. Serangan ini mengucar-kacirkan tentera Islam dan ada yang telah berundur ke belakang.

Sidang Jumaat yang diberkati Allah,

Ketika suasana bertambah gawat dan cemas lalu Rasulullah s.a.w yang berada di tengah-tengah tentera Islam melaungkan kata-kata:" Dengarlah kata-katku ini wahai hamba-hamba Allah! Aku merupakan seorang nabi yang tidak berdusta!. Aku anak Ibnu Muttalib". Namun suara nabi kurang didengari disebabkan kekalutan yang begitu teruk. Lantas bapa saudaranya Abbas berteriak dengan suara yang lantang :"Wahai orang-orang yang turut berbaiah pada hari Hudaibiah!". Jeritan ini telah menyebabkan tentera Islam mula bersemangat kembali dan membetulkan kembali niat kedatangan mereka untuk berperang kerana Allah bukannya untuk perkara yang lain.

Setelah itu mereka memulakan gerakan kedua dalam melawan musuh setelah pada permulaannya mereka hampir kalah dan begitu terdesak dengan asakan musuh. Pada gerakan kedua inilah tentera Islam berjaya membunuh ramai tentera musuh sehingga ada dikalangan wanita dan kanak-kanak yang datang bersama tentera musuh turut terkorban ketika tentera Islam mahu mengejar tentera musuh yang sedang berundur. Melihat perkara ini lalu Rasulullah s.a.w meminta agar Khalid bin Walid selaku panglima perang supaya tidak membunuh wanita, kanak-kanak dan mereka yang lemah. Akhirnya tentera Islam mencapai kemenangan yang gemilang bukannya kerana jumlah tentera yang ramai tetapi kerana keyakinan dan juga keikhlasan kepada Allah sehingga Allah mendatangkan pertolongan dan kemenangan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Peperangan Hunain ini banyak memberi pengajaran dan peringatan kepada seluruh umat Islam. Kita dapat melihat bagaimana pentingnya keikhlasan dan keyakinan terhadap pertolongan Allah bagi mereka yang bersungguh-sungguh dalam meninggikan kalimah Allah. Jumlah yang ramai atau pun majoriti tidak menjamin kemenangan dan juga pengekalan kuasa jika kita meninggalkan Islam. Kita lihat bagaimana umat Islam di Bosnia, Kosovo, Kashmir, Maluku, Ambon dan sebagainya dihinakan oleh Allah di negara mereka sendiri walau pun mempunyai jumlah majoriti berbanding agama lain kerana meninggalkan Islam.

Islam adalah agama perpaduan yang mementingkan kesatuan dan keadilan. Oleh itu Islam sentiasa menyuruh umatnya agar bersatu di atas landasan Islam yang menjamin kesejahteraan dan keredhaan Allah. Kegagalan dasar kebangsaan dalam menyatukan bangsa melayu dan umat Islam serta bangsa yang berbilang di negara ini sewajarnya dijadikan peringatan penting tentang betapa lemahnya sesuatu sistem atau ideologi ciptaan manusia dalam menyatukan manusia dengan perpaduan yang berkekalan. Kegagalan ini boleh dijadikan titik permulaan untuk membina semula kesatuan umat Islam setelah kesatuan yang berlandaskan Islam sebagaimana yang telah dilaksanakan dalam pemerintahan Kesultanan Melayu Islam Melaka dan beberapa kesultanan melayu Islam yang lain di nusantara ini diruntuhkan oleh penjajah yang datang menjajah dengan menjadikan Kristian sebagai matlamat utama kepada penjajahan.

Kini telah sampai waktunya dan ketikanya, sudah tiba saat dan masanya untuk kita sama-sama bersatu di bawah payung Islam yang bukan sahaja menjamin keamanan dan kebajikan umat Islam malah turut menjaga kepentingan orang bukan Islam. Ketika jumlah umat Islam masih ramai dan majoriti inilah merupakan masa yang terbaik untuk melaksanakan perlombagaan dan perundangan Islam. Janganlah kita terus menunggu sehingga jumlah umat

Islam menjadi lebih sedikit dan lemah baru kita mahukan Islam kerana pada masa itu kita sudah terlambat. Kita mesti yakin bahawa kemuliaan sesuatu bangsa adalah dengan menjadikan Islam sebagai cara hidup dan kehinaan yang menimpa sesuatu bangsa disebabkan meninggalkan Islam.

Firman Allah dalam ayat 41 surah al-Ankabut :

مَثُلُ الَّذِينَ اتَّخَذُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ أَوْلِيَاءَ كَمِثْلِ الْعَنْكَبُوتِ اتَّخَذُتِ بَيْتًا وَإِنَّ أَوْهَنَ الْبَيْوَاتِ لِيَتِ الْعَنْكَبُوتُ لَوْ كَانُ يَعْلَمُ

Maksudnya : Perumpamaan orang-orang yang mengambil pelindung selain daripada Allah seperti labah-labah yang membuat rumah. Dan sesungguhnya rumah yang paling lemah ialah rumah labah-labah jika mereka mengetahui.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَفَعَنِي وَلَا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ الْأَكْيَاتِ وَالذَّكْرُ الْحَكِيمُ وَقَبْلَ مِنِّي  
وَمِنْكُمْ تَلَوَّنَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فِي كَا فَوْنَ الْمُسْتَغْفِرُونَ وَيَا نَجَادَةَ التَّائِبِينَ

## 9. MEMERANGI GEJALA MURTAD

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَمْسَكَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدَنَى الْحَقَّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَوَّكَرَهُ الْمُشْرِكُونَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولَهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِ وَاصْحَابِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ يَأْخُذُنَّ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ ... أَمَّا بَعْدُ ... فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ نَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَتَتْمُ مُسْلِمُونَ ...

Wahai hamba-hamba Allah ! Bertaqwalah sekalian kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa. Dan Janganlah kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.

Saya menyeru diri saya sendiri dan juga sidang Jumaat sekalian agar kita sama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah dengan melakukan segala suruhanNya dan menjauhi segala yang ditegahNya.

Sidang Jumaat yang dihormati sekalian,

Firman Allah dalam ayat 217 surah al-Baqarah :

يَسْأَلُوكُنَّ عَنِ الشَّهْرِ الْحَرَامِ قَاتِلٌ فِيهِ كَبِيرٌ وَصَدُّ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ وَكُفْرٌ بِهِ وَالْمَسْجِدُ الْحَرَامُ وَإِخْرَاجُ أَهْلِهِ مِنْهُ عِنْدَ اللَّهِ وَالْفَتْنَةُ أَكْبَرُ مِنَ القَتْلِ وَلَا يَرَوْنَ يَقْتَلُونَكُمْ حَتَّىٰ يَرْدُو كُمْ إِنْ اسْتَطَاعُوا وَمَنْ يَرْتَدِدْ عَنْ دِيْنِهِ فَيُمَتَّ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُولَئِكَ حُبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ وَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَلْدُونَ

Maksudnya : Mereka bertanya kepadamu tentang berperang pada bulan Haram. Katakanlah : "Berperang dalam bulan itu adalah dosa besar tetapi menghalangi (manusia) dari jalan Allah, kufur kepada Allah (menghalangi masuk) Masjidil haram dan mengusir penduduknya dari sekitarnya lebih besar (dosanya) di sisi Allah. Dan membuat finah lebih besar (dosanya) daripada membunuh. Mereka tidak berhenti dalam memerangi kamu sehingga mereka (dapat) mengembalikan kamu daripada agamamu (kepada kekufuran) sekiranya mereka sanggup. Sesiapa yang murtad di antara kamu daripada agamanya lalu dia mati dalam kekafiran maka mereka itulah yang sia-sia amalannya di dunia dan di akhirat. Dan mereka itulah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya selamanya.

Sidang Jumaat yang berkat Allah,

Kini kita berada di bulan Rejab yang diberitahu melalui lidah nabiNya Muhammad s.a.w sebagai bulan Allah yang mempunyai banyak kelebihannya jika kita penuhi dengan puasa sunat dan amalan soleh yang lain. Bulan Rejab juga mengingatkan kita tentang kewajipan Sembahyang lima waktu yang diterima oleh nabi Muhammad s.a.w ketika bertemu Allah

dalam peristiwa Isra' Mikraj yang bersejarah. Sebab itulah usaha kerajaan Kelantan dalam menganjurkan bulan Sembahyang setiap kali tibanya bulan Rejab mestilah diberi kerjasama yang sebaiknya dalam memastikan umat Islam dapat menghayati matlamat sebenar difardhukan solat lima waktu sehari semalam disamping memberi peringatan terutama kepada golongan muda supaya menjaga sembahyang dengan sebaiknya kerana ia merupakan tiang agama dan juga kayu pengukur samada seseorang itu Islam atau pun tidak.

Sidang Jumaat yang dikasihi,

Isu murtad mula bergema kembali setelah begitu lama disepikan walau pun usaha Kristian samada secara biasa mahu pun sihir bergerak cergas dan bebas tanpa ada di sana usaha untuk menyekat secara undang-undang. Isi ditimbul dan dibincang hangat kembali setelah adanya usaha daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk menggubal undang-undang murtad bagi dibentang di dalam parlimen untuk dilaksanakan. Ramai dikalangan peguam Melayu yang mengaku beragama Islam bangun menentang usaha ini dengan memberi alasan berdasarkan akal yang lemah dan undang-undang sekuler yang rapuh.

Antara alasan yang diberikan ialah mereka menyatakan undang-undang yang bakal digubalkan nanti akan menyekat kebebasan agama yang tertera dalam undang-undang negara sedangkan Islam sebagai agama rasmi negara hanya berkisarkan dalam masalah ibadat dan adat sahaja bukannya membentuk hukum Islam untuk dilaksana. Alasan ini menunjukkan kepada kejahilan mereka terhadap Islam di mana mereka meletakkan Islam setaraf dengan agama Kristian , Budha , Hindu dan lain-lain di mana sebagai agama untuk ibadat dan perayaan sahaja bukannya sebagai agama yang merangkumi semua aspek kehidupan. Mereka anggap Islam hanya agama yang boleh dijadikan mainan di mana seseorang boleh memeluk Islam secara sukarela dan boleh keluar Islam bila-bila masa tanpa sekatan. Sedangkan dari awal lagi Islam telah menggariskan bahawa ia tidak memaksa seseorang itu untuk memeluk Islam tetapi perlu dijelaskan bahawa setelah memeluk Islam maka seseorang itu mesti mengikuti segala peraturan dan kewajipan yang ada dalam Islam dan jika mereka murtad maka hukumannya adalah bunuh. Apa yang berlaku pada hari ini adalah jauh daripada Islam yang sebenar di mana seseorang itu tidak dijelaskan tentang perkara tadi terlebih dahulu sehingga mereka merasakan Islam ini hanya agama mainan yang boleh diperkotak-katikkan mengikut akal mereka. Jika seseorang itu telah masuk Islam dengan kefahaman yang jelas tentang kewajipan dan hukuman berat yang bakal dijatuhkan jika murtad maka sudah tidak timbul menyekat kebebasan agama kerana mereka masuk Islam

dengan kerelaan hati untuk melaksanakan kewajipan agama dan rela juga menerima hukuman apabila telah murtad.

Siang Jumaat yang dikasihi,

Alasan mereka lagi bahawa undang-undang yang bakal dilaksanakan nanti akan menyebabkan dunia luar akan mengutuknya kerana bertentangan dengan peraturan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Ini menunjukkan bahawa mereka lebih takut kepada manusia daripada Allah Tuhan Pencipta mereka. Mengapakah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan dunia luar akan mengutuk negara kita hanya setelah hukuman Islam dilaksana sedangkan ketika umat Islam ditekan dan dinafikan hak kebebasan untuk beragama maka mereka hanya diam seribu bahasa. Ketika ada saudara baru yang disimbah asid di muka mereka kerana memeluk Islam dimanakah laungan kebebasan beragama?. Ketika sepasang suami isteri yang telah memeluk Islam bersama anak kecil yang baru berusia beberapa bulan dibunuhan dan dikelar tubuh mereka di manakah suara pembelaan terhadap penindasan agama lain terhadap umat Islam?. Ketika seorang ayah dimana anaknya telah murtad mahu bertemu dengan anaknya lalu diterajang tanpa belas kasihan dimanakah laungan keadilan?. Sepasang suami isteri di mana anak gadisnya telah murtad dan dilarikan sehingga hari ini tidak diketemui dimanakah pembelaan undang-undang yang mendakwa memberi kebebasan terhadap mereka? Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan dunia luar hanya akan mengutuk kita apabila melaksanakan Islam bukannya atas kebebasan beragama tetapi sikap permusuhan dan kebencian mereka terhadap Islam. Mereka didalangi oleh Yahudi dan Kristian yang tidak pernah menghentikan permusuhan terhadap Islam sebagaimana kita fahami daripada Firman Allah dalam ayat 120 surah al-Baqarah :

وَلَنْ تَرْضِيَ عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصَارَىٰ حَتَّىٰ تَبْعَثَ أَهْوَاءَهُمْ قَلْ إِنَّهُمْ هُوَ الْهَدِيَّ وَلَئِنْ اتَّبَعُتْ أَهْوَاءَهُمْ بَعْدَ الذِّي جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ مَالَكَ مِنْ  
اللهِ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ.

Maksudnya : Orang-orang Yahudi dan Kristian tidak akan senang kepada kamu sehinggalah kamu mengikuti agama mereka. Katakanlah : " Sesungguhnya petunjuk Allah itulah merupakan petunjuk yang benar". Dan sesungguhnya jika kamu mengikuti kemahuan mereka setelah datangnya pengetahuan kepadamu maka Allah tidak lagi menjadi pelindung dan penolong bagimu.

Sidang Jumaat yang dihormati sekalian,

Alasannya lagi bahawa hukuman murtad yang dilaksana sebelum ini kerana mereka yang murtad secara terang-terangan dan juga mencabar pihak pemerintah negara. Alasan ini

hanya suatu alasan yang kolot dan menjijikkan. Adakah dalam banyak peristiwa yang berlaku pada ini berkaitan dengan murtad secara senyap-senyap sedangkan mereka yang telah murtad tanpa segan silu datang ke pejabat pendaftaran negara untuk menukar nama dan agama mereka. Mereka berbuat demikian dengan penuh keberanian dan tanpa perasaan takut. Adakah perkara ini tidak boleh dikatakan sebagai murtad secara terangan-terangan dan berani?....

Tentang penentangan terhadap pemerintah buat masa ini memang tidak perlu dilakukan kerana undang-undang digunakan sekarang adalah bersesuaian dengan nafsu dan kehendak mereka yang telah murtad. Peraturan Lord Reid yang berasaskan sekulerisme yang bertunjang agama Kristian bermazhab Protestan tidak membahayakan mereka malah menyokong dan mendorong mereka untuk murtad sebebas-bebasnya. Buat apa mereka perlu melakukan pemberontakan dan sebagainya.

Bahayanya mereka yang telah murtad akan kelihatan apabila pemerintah melaksanakan Islam. Oleh itu sebelum lebih ramai yang murtad maka suatu undang-undang berlandaskan Islam perlu dilaksanakan dalam membasi gejala murtad yang seang berleluasa. Usaha Kristian dalam memastikan separuh daripada penduduk Asia Tenggara bersatu dalam Kristian terus berjalan dengan lancar termasuk di negara kita.

Jika dikatakan bahawa jumlah yang murtad adalah lebih sedikit berbanding mereka yang memeluk Islam maka alasan ini juga tidak boleh digunakan kerana Islam tidak pernah menetapkan ramai atau sedikitnya mereka yang murtad dalam melaksanakan hukuman bunuh. Mereka yang murtad walau pun sedikit boleh memecah-belahkan masyarakat kerana mereka bebas berperanan untuk berdakwah kepada orang lain tanpa tindakan sewajarnya. Mereka juga menyebabkan masyarakat saling sangsi dan curiga antara satu sama lain.

Janganlah atas nama kebebasan beragama kita mempertahankan mereka yang murtad. Ingatlah mereka mempunyai rakan seagama untuk menekan umat Islam. Janganlah kerana toleransi dan kelembutan yang tidak sepatutnya diberikan akan menyebabkan kita akan huru hara sebagaimana berlaku kepada saudara Islam kita di Ambon, Indonesia. Dalam satu keluarga dibenarkan ada pelbagai agama dan Kristian yang dijadikan kawan diberikan kebebasan dalam berdakwah dan membina gereja termasuk dalam kawasan yang majoritinya umat Islam. Akhirnya atas nama agama, umat Islam dibunuh, dikelar, dibakar dan rumah mereka dimusnahkan oleh kawan-kawan dan keluarga mereka sendiri yang beragama Kristian. Jangan biarkan ia berulang di negara kita ini.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ وَقَعْدَيْنَا مِمَّا فِيهِ مِنَ الْكَيْمَاتِ وَالذَّكْرُ الْحَكِيمُ وَتَبَلَّغَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تَلَاوَةً إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِكُلِّ أَهْلِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَالْمُسْتَغْفِرُونَ وَفِيَّا فَوْرُ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاهَةَ التَّائِبِينَ

**10. KHUTBAH EIDIL FITRI 1421H****KHUTBAH PERTAMA**

الله أَكْبَرُ (٩ كali) الله أَكْبَرُ كِبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللّهِ بِكَرْهَةٍ وَأَصْبَلًا . الْحَمْدُ لِلّهِ الَّذِي وَقَنَا لِعِبَادَتِهِ . وَجَعَلَهُمْ هَذَا الْيَوْمَ فِرَحًا لِعِبَادَهُ الْمُتَقِينَ الَّذِينَ فَازُوا بِصِيَامِ رَمَضَانَ وَقِيَامِهِ . وَأَشَهَدُ أَنَّ لِإِلَهٍ إِلَّا اللّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ . وَأَشَهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْأَكْرَمُ صَلَّى وَسَلَّمَ وَبَارَكَ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدًا وَعَلَى الَّهِ وَمِنْ سَامِرٍ عَلَى نَهْجِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ . أَمَّا بَعْدُ . . . فِي أَيْمَانِ الْمُسْلِمِينَ اتَّقُوا اللّهَ حَقَّ تَقْانَةٍ وَلَا تَنْتَقِنْ إِلَّا وَأَتَسْمِ مُسْلِمُونَ . . . فَرِمانُ اللّهِ دَامَ آيَةً ٥ - ١ الْمُؤْمِنُونَ :

قد أفلح المؤمنون الذين هم في صلاتهم خشعون والذين هم للزكوة فعلون والذين هم لفروعهم حفظون .

Maksudnya : Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang beriman, iaitu orang-orang yang khusuk dalam solatnya, dan orang-orang yang menjauhkan diri daripada perbuatan dan perkataan yang tiada berguna, dan orang-orang yang menunaikan zakat, dan orang-orang yang memelihara kemaluannya.

Muslimin/mati yang diberkati Allah,

Kedatangan eidil fitri untuk sekian kalinya disambut dengan gema takbir dan tahmid membesar dan memuji Allah oleh seluruh umat Islam sedunia tidak kira pangkat atau pun harta, tidak kira darjat atau pun usia, tidak kira bangsa atau negara. Ucapan kalimah ini dilaungkan penuh semangat sebagai tanda kemenangan gemilang sebagaimana yang pernah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w dan para sahabat selepas berjaya menewaskan musuh dalam peperangan Ahzab, peperangan Badar, Pembukaan Kota Mekah dan beberapa siri peperangan yang lain dalam memastikan Islam menjadi agama yang memerintah bukannya agama yang diperintah. Laungan yang penuh semangat itu mesti diteruskan oleh kita sebagai tanda syukur kepada Allah di atas nikmat berhari raya dan anugerah nikmat Islam yang dapat dikecapi hasil daripada perjuangan umat dahulu yang sanggup mengorbankan masa, harta malah nyawa mereka semata-mata untuk memastikan Islam tersebar serata dunia. Kalimah kemenangan ini juga dilaungkan sempena kemenangan melawan nafsu dengan berpuasa sebulan Ramadhan dan juga melawan kasih kita terhadap harta dengan mengeluarkan zakat.

Kedatangan Syawal menandakan berlalunya Ramadhan bulan yang penuh rahmat dan pengampunan dosa. Entah kita dapat menyambut lagi kedatangan Ramadhan akan datang atau pun tidak hanya Allah yang Maha Mengetahui. Perasaan sedih dan sayu yang menyelubungi diri dengan pemergian Ramadhan bersama lailatul qadar tidak dapat

mengubah segalanya melainkan diri kita dapat berubah ke arah yang terbaik dari segi ibadat dan akhlak. Janganlah pula proses tarbiah akan terhenti dengan berlalunya Ramadhan kerana kita tidak mahu menjadi umat yang paling celaka ialah umat di mana hari ini lebih buruk daripada hari semalam dan hari esok bertambah buruk daripada hari ini. Pastikan kita menjadi umat terbaik iaitu umat yang hari ini lebih baik daripada hari semalam dan hari esok lebih baik daripada hari ini dari segi ibadat, akhlak dan sebagainya.

الله أَكْبَرُ ! الله أَكْبَرُ ! الله أَكْبَرُ وَلِلّٰهِ الْحَمْدُ

Gema takbir dan tahmid bagi menandakan kemenangan tidak akan cukup sekadar kita hanya berjaya mendirikan ibadat fardhu sahaja seperti solat, puasa, zakat, haji dan lain-lain sedangkan kita tidak pernah diberi peluang untuk merasai betapa nikmatnya keadilan perundangan Islam, untungnya menggunakan sistem ekonomi Islam dan terjaminnya hak orang Islam dan bukan Islam dibawah naungan perlembagaan negara Islam. Kehebatan sistem Islam di akui oleh kuasa besar barat apabila selepas perlakunya peperangan dunia kedua mereka menggunakan al-Quran dalam mencari jalan penyelesaian ke arah mentadbir negara tetapi dalam masa yang sama mereka juga berusaha untuk menjauhkan al-Quran daripada dilaksanakan hukumnya oleh umat Islam.

Bermula daripada penjajahan sehingga kini, kita hanya mampu melihat sistem Islam di dalam kitab-kitab feqah sahaja tanpa mampu dilihat ia terlaksana di atas bumi yang nyata Walau pun kegagalan demi kegagalan perundangan berdasarkan ideologi dan sistem ciptaan manusia dalam menyelesaikan pelbagai masalah sosial terutama yang semakin berat seperti penagihan dadah, kecurian, penzinaan, perkosaan, rasuah, pecah amanah namun para pemimpin lebih rela mencari sistem yang rapuh dan reput seperti sarang labah-labah daripada memberi peluang kepada Islam untuk dilaksana Benarlah firman Allah dalam ayat 41 surah al-Ankabut :

مُثُلُ الَّذِينَ اتَّخَذُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ أَوْلِيَاءَ كَمِثْلِ الْعَنْكَبُوتِ اتَّخَذُتِ بَيْتًا وَإِنَّ أَوْهَنَ الْبَيْوَاتِ لِبَيْتِ الْعَنْكَبُوتِ لَوْكَأُنْوِيْلُمُونَ  
Maksudnya : Perumpamaan orang-orang yang mengambil pelindung selain daripada Allah seperti labah-labah yang membuat rumah. Dan sesungguhnya rumah yang paling lemah ialah rumah labah-labah jika mereka mengetahui.

Muslimin/mati yang dihormati sekalian,

Gema takbir dan tahmid yang berkumandang ini juga menunjukkan bahawa kita begitu menginginkan agar kebijakan, kepentingan serta kekayaan hasil pendapatan negara dapat diagihkan secara menyeluruh bukannya berkisar di kalangan sesetengah golongan

sahaja. Ingatlah kata Khalifah Umar bin Abdul Aziz bahawa jika pemimpin kaya maka rakyat akan miskin tetapi jika pemimpin miskin maka rakyat akan kaya.

Suatu peristiwa untuk renungan bersama di mana ketika Damsyik, Syria diancam serangan tentera Tatar maka pemerintah memutuskan untuk mengenakan cukai tambahan ke atas rakyat bagi membiayai peperangan. Di tengah keresahan rakyat yang tidak mampu membayar cukai itu maka tampillah Izzuddin Abdul Salam yang terkenal dengan gelaran Sultan al-Ulama' menentang perkara itu dan meminta agar dijual terlebih dahulu kesemua barang mewah milik pemerintah dan milik peribadi kakitangan pemerintah sehingga tidak ada lagi perbezaan antara pemerintah dan rakyat. Sesudah itu barulah boleh dikutip cukai jika kewangan masih tidak mencukupi untuk membiayai peperangan itu. Inilah ia keindahan dan keadilan Islam yang menekankan susah dan senangnya sesebuah negara merupakan tanggungjawab bersama antara pemimpin dan rakyat bukannya ketika negara senang hanya sesetengah golongan yang menikmatinya tetapi apabila ditimpa kesusahan maka hanya rakyat yang menanggungnya.

Dalam memastikan keharmonian dan kemajuan yang stabil antara kebendaan dan kerohanian maka kerjasama antara pemimpin dan ulama' amatlah penting kerana mereka menjadi tunjang utama keutuhan negara. Jika rosak pemimpin maka akan binasalah negara, begitu juga apabila rosaknya ulama' maka akan huru haralah negara. Oleh itu pemimpin mesti berasifat terbuka apabila ditegur kerana tersalah dan ulama' pula mesti berani dalam memberi nasihat. Jangan pula pemimpin terpedaya dengan kata-kata ulama' dunia yang mengampu di mana peringatan mengenainya pernah dicatat dalam Qanun Acheh Darul Salam oleh Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam seorang pemerintah Kesultanan Melayu Islam Acheh di mana antara katanya

“ Dan hendaklah raja-raja itu menjauhkan diri daripada bersahabat dengan ulama' jahat dan ulama' jahil dan ulama' tamak iaitu ulama' yang suka memuji raja dan perbuatannya mengharap keredhaan raja. Maka ulama' itu tamak, yakni tamak kepada dunia. Maka ulama' itulah yang membuat negeri huru-hara dan memecah-belahkan rakyat seperti dajjal....”

اَللّٰهُ اَكْبَرُ ! اَللّٰهُ اَكْبَرُ وَاللّٰهُ اَكْبَرُ

Kita begitu mengharapkan agar laungan Tahmid tanda kesyukuran dan Takbir tanda membesarkan Allah ini bukan hanya disebut dibibir sahaja tetapi insya Allah ia turut memberi kesan kepada hati dan kelakuan kita dalam menyatakan kesungguhan dan keyakinan kepada seluruh ajaran Islam dari segi ibadat, perundangan, perlombagaan dan cara hidup Islam. Kalimah suci yang dilaungkan secara satu suara dan satu nada ini melambangkan erti perpaduan di mana kita umat Islam mesti berdiri dan bergerak seiring sekata sejati sejiwa

dalam memastikan keharmonian sejagat. Kejayaan Rasulullah s.a.w menyatukan umat arab dan bukan arab seperti Bilal bin Rabah dari Afrika, Suhail dari Rom, Salman dari Parsi dan lain-lain dengan Islam membuktikan Islamlah jalan terbaik untuk menyatukan seluruh umat manusia. Keadilan dan kehebatan perlombagaan serta perundangan Islam pernah dirasai oleh masyarakat China, India dan Melayu ketika Islam menguasai negara-negara ini selama beratus tahun. Oleh itu jika kita satukan semua bangsa di negara ini dengan semangat kebangsaan maka ia adalah merbahaya kerana setiap bangsa akan menjaga kepentingan dan menuntut hak masing-masing sebagai warganegara. Setiap bangsa samada Melayu, Cina, India akan bersaing sesama mereka dalam mencari kuasa politik, ekonomi di mana bangsa yang berjaya menguasai perkara tersebut akan berjaya menguasai bangsa lain. Jumlah kita orang Melayu semakin sedikit ditambah lagi ramai yang telah murtad maka kedudukan kita berdasarkan bangsa semakin lemah. Sebelum terlambat maka yakinlah kita bahawa dengan menjadikan Islam sebagai asas perpaduan maka kita akan aman di mana Islam boleh dianuti oleh semua bangsa. Manakala orang bukan Islam yang tidak mahu memeluk Islam turut dapat merasai keadilan dan keindahan Islam di mana perkara ini tidak terdapat dalam agama mereka. Dengan ini lama kelamaan mereka juga akan tertarik kepada Islam samada mereka memeluk Islam atau pun sekurang-kurangnya mereka tidak melawan Islam setelah merasai keindahan Islam sebenar. Ingatlah bahawa kita bangsa Melayu dimuliakan oleh Allah dengan Islam dan bangsa Melayu akan hina kerana meninggalkan cara hidup Islam.

Firman Allah dalam ayat 103 surah Ali Imran :

واعتصموا بحبل الله جيعا ولا تفرقوا واذكر وانعمه الله عليكم إذ كنتم أعداء فألف بين قلوبكم  
فاصبحتم بنعمته إخوانا وكنتم على شفا حفرة من النار فأنقذكم منها كذلك بين الله لكم عاية  
لعلكم تهتدون

Maksudnya : Dan berpegang teguhlah sekalian kamu dengan tali (agama)Allah, dan janganlah kamu bercerai berai, dan ingatlah nikmat Allah kepadamu ketika kamu dahulu (masa jahiliah) bermusuhan maka Allah menyatukan hatimu lalu menjadilah kamu bersaudara. Dan kamu telah berada di tepi jurang neraka lalu Allah menyelamatkan kamu daripadanya. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayatNya kepadamu agar kamu mendapat petunjuk.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ وَكَمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَفَعَنِي وَلَيَاكُمْ بِمَا قَيَّمْتُمْ مِنَ الْكَيَّامِ وَالذِّكْرُ الْحَكِيمُ وَقَبْلَ مَنِي وَمِنْكُمْ تَلَوْنَهُ إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَكَمْ وَكَسَائِرُ النُّسَلَّمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا قَوْنَرُ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَلَا  
نَجَّأَهُ التَّائِبِينَ

KHUTBAH KEDUA

الله أَكْبَرْ (3 كali) الله أَكْبَرْ (3 كali) الله أَكْبَرْ  
 الله أَكْبَرْ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بَكْرَةً وَأَصِيلًا . الْحَمْدُ لِلَّهِ وَحْدَهُ صَدْقٌ وَعَدْهُ وَنَصْرٌ عَبْدُهُ وَأَعْزَزْ  
 جَنْدُهُ وَهُنْ مُؤْمِنُونَ الْأَخْرَابُ وَحْدَهُ . أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ،  
 اللَّهُمَّ صُلْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدًا وَعَلَى الْهُوَ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ . أَمَّا بَعْدُ . . . . . فِيمَا أَنْهَا الْمُسْلِمُونَ ! اتَّقُوا اللَّهَ وَأَطْبِعُوهُ وَاعْلَمُوا أَنَّ  
 اللَّهُ يُحِبُّ الْمُتَقِنِ . . . .

فَرْمَانُ اللَّهِ تَعَالَى دَامَأْيَةً 134 سُورَةُ آلِ عُمَرَانَ

الذِّينَ يَفْقَهُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَاءِ وَالْكَظُمْيَنِ الْغَيْظَ وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْحَسَنِينَ

Maksudnya : Orang-orang yang menafkahkan hartanya baik di masa senang maupun ketika susah, dan orang-orang yang menahan kemarahan dan memaafkan kesalahan orang. Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebaikan.

Muslimin/mati yang dirahmati Allah

Dalam kegembiraan dan keseronokan menyambut hari raya janganlah melupakan kita kepada mereka yang memerlukan bantuan. Ingatlah kepada kebajikan anak-anak yatim, fakir miskin yang berada disekeliling kita. Juga tidak lupa kepada saudara seislam kita yang terpaksa menyambut hari raya dicelah-celah kezaliman dan penindasan musuh Allah seperti umat Islam Selatan Filipina, Kashmir, Palestin dan sebagainya. Ingatlah kita bagaimana kasih sayang yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w terhadap seorang anak kecil di mana ketika baginda s.a.w keluar dari rumah untuk menunaikan solat sunat hari raya maka baginda terpandang seorang kanak-kanak sedang menangis kesedihan sedangkan kawan-kawannya yang lain begitu gembira bermain sesama mereka. Rasulullah s.a.w menghampiri budak itu dan apabila ditanya lalu dia menjawab : " Wahai tuan, ayahku telah meninggal dunia di hadapan Rasulullah s.a.w dalam peperangan ini. Lalu ibuku berkahwin lain dan makan harta-hartaku sedangkan suaminya (ayah tiriku) mengusirku dari rumahku sendiri. Maka saya tidak punya makanan, minuman, pakaian dan rumah. Dan ketika saya melihat kawan-kawan yang lain pada hari ini yang mempunyai ayah maka teringatlah musibah yang menimpa diriku ini yang menyebabkan saya menangis kesedihan". Lalu Rasulullah s.a.w memegang tangan budak itu dan bertanya kepadanya : " Wahai anak kecil! Mahukah engkau terima aku sebagai ayahmu

dan ‘Aisyah sebagai ibumu, Ali sebagai bapa saudaramu, Hasan dan Husin sebagai saudara lelakimu dan Fatimah sebagai saudara perempuanmu?’. Kini anak kecil itu sedar bahawa baginda adalah Rasulullah maka dia terus menjawab : “ Mengapa saya tidak mahu wahai Rasulullah?”. Maka dia dibawa oleh Rasulullah s.a.w ke rumah baginda lalu dipakaikan pakaian cantik, diberi makan sehingga kenyang, dihiasi, dipakaikan minyak wangi dan sebagainya. Budak itu begitu gembira dengan layanan yang diberikan itu. Inilah dia kasih sayang yang ditunjukkan oleh pemimpin dan nabi yang agung untuk sama-sama kita teladani.

Tanpa kasih sayang maka seorang ayah sanggup melupakan tanggungjawabnya terhadap ahli keluarga, seseorang sanggup mencari jalan untuk menjatuhkan kawannya sendiri demi menjaga kedudukannya dan seorang pemimpin sanggup memerah seluruh keringat rakyatnya demi mencapai kesenangan peribadi serta mengkhianati amanah Allah terhadap rakyat jelata.

Dalam kemeriah hari raya janganlah melupakan kita kepada batas-batas agama yang wajib dijaga seperti pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, pendedahan aurat, hiburan yang melalaikan. Jangan kita samakan hari raya kita dengan sambutan Krismas oleh penganut Kristian yang baru lalu dan jangan kita cemarkan kemulian hari raya dengan majlis maksiat sebagaimana yang biasa dilakukan oleh mereka yang menyambut sambutan tahun baru yang dipenuhi dengan maksiat bagaikan berseronok menyambut pembebasan iblis dan syaitan daripada dibelenggu sepanjang Ramadhan yang baru lalu.

Disamping itu rebutlah juga peluang untuk menambahkan saham akhirat dengan berpuasa enam hari dibulan Syawal bagi menyahut sabda Rasulullah s.a.w :

من صام رمضان ثم أتبعه ستة من شوال كان كصيام الدهر (رواه مسلم)

Maksudnya : Sesiapa yang telah berpuasa fardhu Ramadhan kemudian diikuti pula dengan berpuasa enam hari di bulan Syawal maka adalah pahalanya seperti dia berpuasa sepanjang tahun.

اللهم صل على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين . اللهم اغفر لل المسلمين والمؤمنات والمؤمنات الأحياء منهم والأموات وألف بين قلوبهم وأصلح ذات بينهم وانصر هم على عدوكم وعدوهم ، اللهم لا تسلط علينا من لا يخافك ولا يرجمنا ، اللهم انصر من نصر دينك واخذل من خذل دينك ، اللهم أعز الإسلام والمسلمين وأذل الشرك والمشركيين ودمروا أعداء الدين وانصر عبادك المؤمنين اللهم قبل منا صلاتنا وصيامنا وقيامنا ونذر كاتنا وجميع حسناتنا واجعلها خاصة لوجهك الكريم . مربنا آتنا في الدنيا حسنة وفي الآخرة حسنة وقنا عذاب الناس . سبحانك اللهم وتحيته فيها سلام وآخر دعواهم أن الحمد لله رب العالمين

## 11. KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الحمد لله الذي تسم الصالحات، وأشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له وأشهد أن سيدنا محمدًا عبده ورسوله، اللهم صل وسل على عبدك ورسولك محمد وعلى الله وصحبه أجمعين... . أما بعد فيا أيها المؤمنون أتقو الله وأصيكم وإياي يتقوى الله وطاعته فقد فار المتقون. قال الله تعالى: إذا جاء نصر الله والفتح ورأيت الناس يدخلون في دين الله أفواجاً فسبح بحمد ربك واستغفر له إنك أنت أرحم الراحمون. إن الله وملايكته يصلون على النبي يا أيها الذين آمنوا صلوا عليه وسلموا تسليماً اللهم صل على سيدنا محمد وعلى آل سيدنا محمد كما صلئت على سيدنا إبراهيم وعلى آل سيدنا إبراهيم وبآمرك على سيدنا محمد وعلى آل سيدنا محمد كما بآمرك كت على سيدنا إبراهيم وعلى آل سيدنا إبراهيم في العالمين إنك حميد مجيد

اللهم اغفر للمسلمين والمسلمات والمؤمنين والمؤمنات الأحياء منهم والأموات إنك سميع قرب مجيب الدعوات وقاضي الحاجات  
 واله فـ بين قلوبهم وأصلح ذات بيـهـمـ وـأـنـصـرـهـمـ عـلـىـ عـدـوكـ وـعـدـوـهـمـ ، اللـهـمـ لاـ تـسـلـطـ عـلـيـنـاـ مـنـ لـكـيـخـافـكـ وـلـاـ يـرـحـمـنـاـ ، اللـهـمـ أـنـصـرـ  
 إـخـوـانـاـ الـمـسـلـمـيـنـ فـيـ عـرـاقـ وـفـيـ فـلـسـطـيـنـ وـفـيـ إـيـرانـ وـفـيـ لـبـانـ وـفـيـ سـوـرـيـاـ وـفـيـ كـشـيـرـ وـفـيـ شـيـشـاـنـ وـفـيـ  
 جـنـوـبـ الـلـيـبـيـنـ وـفـيـ إـيـنـدـوـنـيـسـيـاـ وـفـيـ تـاـيـلـانـدـ وـفـيـ بـلـدـنـاـ مـالـيـزـياـ الـلـهـمـ أـنـصـرـ الـجـاهـدـيـنـ الـدـينـ يـجـاهـدـونـ فـيـ سـيـلـكـ فـيـ كـلـ مـانـ وـمـكـانـ ،  
 اللـهـمـ إـنـاـ نـجـعـلـكـ فـيـ نـحـورـ أـعـدـائـنـاـ وـعـوـذـنـاـ مـنـ شـرـوـرـهـمـ ، اللـهـمـ بـدـدـ شـمـلـهـمـ وـفـرـقـ جـمـعـهـمـ وـشـتـ كـلـهـمـ وـمـرـنـلـ أـقـدـامـهـ  
 وـقـلـ عـدـدـهـمـ وـسـلـاحـهـمـ وـسـلـطـ عـلـيـهـمـ كـلـاـنـ مـنـ كـلـاـيـكـ يـاـقـتـهـاـرـ يـاجـارـ يـامـنـقـمـهـ ، اللـهـمـ يـاـ مـنـزـلـ الـكـتـابـ وـيـاـ مـجـرـيـ السـحـابـ وـ  
 يـاـ هـامـرـ الـأـخـزـابـ اـهـزـمـهـ وـأـنـصـرـنـاـ عـلـيـهـمـ ، اللـهـمـ عـلـيـكـ بـالـيـهـودـ وـمـنـ وـالـهـمـ ، اللـهـمـ عـلـيـكـ بـأـخـزـابـ  
 بـالـهـنـوـدـ وـمـنـ وـالـهـمـ ، اللـهـمـ عـلـيـكـ بـالـأـمـيـكـانـ وـمـنـ وـالـهـمـ ، اللـهـمـ عـلـيـكـ بـالـيـطـانـ وـمـنـ وـالـهـمـ ، اللـهـمـ عـلـيـكـ بـأـخـزـابـ  
 الـمـشـرـ كـيـنـ الطـاغـيـنـ الـظـالـمـيـنـ وـمـنـ وـالـهـمـ ، اللـهـمـ دـمـرـهـمـ تـدـمـيـرـاـ وـبـرـهـمـ تـبـيـرـاـ وـاجـعـلـهـمـ هـبـاءـ مـثـورـاـ ، اللـهـمـ أـنـصـرـ مـنـ نـصـرـ  
 دـيـنـكـ وـأـخـذـلـ مـنـ خـذـلـ دـيـنـكـ ، اللـهـمـ أـعـزـ إـسـلـامـ وـالـمـسـلـمـيـنـ وـأـذـ الشـرـكـ وـالـمـشـرـ كـيـنـ وـدـمـرـ أـعـدـاءـ الـدـينـ وـأـنـصـرـ عـبـادـ الـمـؤ~مـنـيـنـ مـنـ بـنـاـ  
 لـاـتـرـ عـلـوـبـنـاـ بـعـدـ إـذـ هـدـيـتـنـاـ وـهـبـ لـنـاـ مـنـ لـدـنـاـ رـحـمـةـ إـنـكـ أـنـتـ الـوـهـابـ مـنـ أـنـتـاـ فـيـ الدـيـنـاـ حـسـنـةـ وـفـيـ الـآـخـرـةـ حـسـنـةـ وـفـقـنـاـ عـذـابـ الـنـاسـ  
 عـبـادـ اللـهـ ! إـنـ اللـهـ يـأـمـرـ بـالـعـدـلـ وـإـلـ حـسـانـ وـأـنـتـاءـ ذـيـ الـقـرـبـيـ وـيـنـهـيـ عـنـ الـفـحـشـاءـ وـالـمـنـكـرـ وـالـلـغـيـ عـظـمـ كـمـ لـعـلـكـ مـنـ تـذـكـرـونـ  
 فـاذـكـرـ وـأـذـكـرـ اللـهـ الـعـظـيمـ يـذـكـرـ كـمـ وـاشـكـرـ وـأـشـكـرـ وـأـعـلـمـ بـعـمـةـ يـزـدـكـمـ وـأـسـأـلـهـ مـنـ فـضـلـهـ يـعـطـكـ كـمـ وـكـذـكـرـ اللـهـ أـكـبـرـ وـالـلـهـ  
 يـعـلـمـ مـاـ تـصـنـعـونـ